

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 23 Mei 2014 (Jumaat)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
7.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
8.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
9.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
10.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
11.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
12.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
15.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
16.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
17.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
18.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
19.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
20.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
21.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
22.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
23.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
24.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
25.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
26.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
27.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
28.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
30.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
31.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
32.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
33.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
34.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
35.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
36.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
37.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

1.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
2.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
3.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

#### **HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Puan Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.***

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Bacaan "DOA."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Sebelum sesi penggulung sambung, pengumuman daripada saya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, makanan yang disediakan oleh pejabat dalam Dewan ini telah pun membuat penambah baik dan juga jangan kerana penambah baik sarapan pagi ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak masuk ke dalam Dewan ini dengan masa yang lebih tepat. Kehadiran pada pagi ini juga tidak begitu bagus. Teguran perlu diberikan. Dewan bersidang semula dengan sesi penggulungan. Sila Perai.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya mengambil kesempatan pagi ini untuk memberi ucapan penggulungan saya berdasarkan pada portfolio-portfolio yang saya pegang dalam EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya tidak ingin membaca teks saya. Saya mahu sentuh beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang isu seperti tenaga kerja mahir di Pulau Pinang. Kemudian isu termasuk dalam sumber manusia, isu teknologi tinggi, pusat-pusat pendidikan, pekerja asing, isu Enakmen Kebebasan Maklumat, anggaran penduduk Batu Kawan, *Cafe Science*, Perpustakaan Pulau Pinang dan lain-lain yang berkaitan.

Jadi, Yang Berhormat Telok Bahang telah membangkitkan isu profail tenaga kerja dari segi kemahiran di Pulau Pinang. Saya fikir isu atau konsep tenaga kerja sangat-sangat penting bukan saja untuk Pulau Pinang tapi mana-mana negeri di Malaysia sebab ini yang akan mencetuskan pembangunan khususnya pembangunan berdasarkan kepada nilai yang tinggi dan juga berdasarkan kepada teknologi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini memberi satu perhatian yang serius terhadap perkara ini, walaupun saya rasa sumbangan secara langsung Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah terhad sebab Sumber Manusia adalah letakan di bawah Kerajaan Pusat.

Oleh yang demikian, dari segi undang-undang, pentadbiran, pelaksanaan dan juga dari segi kewangan ini saya rasa peranan Negeri ini memang terhad. Walau bagaimanapun, saya rasa kita tidak boleh sentiasa mengatakan pembatasan itu. Kita di bawah MMK saya kita adakan beberapa program mungkin dialog, seminar, persidangan dan dialog-dialog dengan pihak-pihak yang tertentu supaya bagaimana kita akan meningkatkan kemahiran tenaga pekerja di Pulau Pinang. Kita pun menerima hakikat kemasukan industri-industri ataupun pelaburan asing di Pulau

Pinang bergantung kepada pelbagai faktor. Salah satu faktor yang sangat penting adalah Sumber Manusia khususnya tenaga mahir. Malaysia ini memang tenaga mahir keseluruhan Malaysia adalah lebih kurang 25%. Saya ingat Pulau Pinang ini mungkin juga sedikit lebih, peratus ini lebih kurang sama. Jadi tanpa kita adakan tenaga mahir di mana tenaga pekerja memberi sumbangan menambah nilai kepada pembuatan mereka, saya rasa kita tidak boleh bincang tentang pembangunan dalam keadaan sekarang.

Jadi masalah yang terbesar kepada Pulau Pinang bagaimana kita akan mengatasi masalah apa yang disebutkan sebagai *middle income economic* ....(dengan izin). Jadi, *middle income economic* ini berdasarkan kepada tenaga kerja yang kurang mahir, separuh mahir dan sedikit tenaga mahir dan sebagainya. Jadi, saya rasa itulah hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagaimana kita akan mengatasi masalah *middle income trap* yang bukan saja dialami oleh Pulau Pinang tetapi juga negara-negara yang lain. Jadi, di bawah MMK Sumber Manusia ini kita adakan beberapa usaha tapi saya tidak katakan di sini bahawa usaha-usaha kita ini sebab kita tidak ada satu peranan yang besar, selain daripada menggalakkan kedatangan pelabur asing di Pulau Pinang tetapi bergantung kepada Kerajaan Pusat dan bagaimana Kerajaan Pusat ini akan, memang mereka ada rancangan-rancangan tertentu bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran tenaga mahir. Jadi, YB. Telok Bahang juga... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Perai minta. Tentang kemahiran tenaga mahir ini, saya tahu yang PSDC sebuah agensi Kerajaan Negeri yang...(gangguan), ada sentuh okey terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih. YB. Telok Bahang juga menasihatkan Kerajaan Negeri supaya melihat kepada PSDC dan bagaimana PSDC memainkan satu peranan yang besar dalam proses meningkatkan latihan kemahiran. Memang itu saya rasa saya tidak nafikan sebab PSDC merupakan satu-satu agensi di Pulau Pinang yang sebenarnya membekalkan pekerja-pekerja yang memang ada kemahiran kepada industri-industri termasuk juga industri-industri multinasional, tapi apa yang kita perlu lihat di sini adakah institusi-institusi lain memang ada dalam sektor swasta, ada juga dalam sektor awam, tapi tidak ada seperti satu agensi seperti PSDC di Pulau Pinang cuma PSDC saja. Baru-baru ini saya telah mengadakan perbincangan dua (2) kali dengan pengarah PSDC, sebab saya rasa kelayakan masuk PSDC ini bukan kelayakan yang tinggi asalkan mereka ada Sijil SPM. Mereka lulus tidak lulus itu bukan perkara, saya rasa itu baik sebab kalau mereka letakkan kelayakan yang tinggi. Saya ingat kebanyakan ini kalau mereka ada kelayakan yang baik sekali mereka tidak akan masuk PSDC, sebab masalah besar yang dialami oleh Malaysia adalah di mana selepas tingkatan 3 kita buat aliran. Mereka yang kurang dapat kelayakan yang tidak begitu baik dalam SPR itu, bukan SPM....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

SRP.

## Timbalan Ketua Menteri II:

SRP, kemudian dialirkan kepada Sains dengan di situlah salah sebab mereka rasa yang mereka yang masuk dalam Politeknik mereka yang masuk dalam untuk mendapat diploma dan sebagainya mereka tidak memerlukan kelayakan yang tinggi, walhal mereka yang dapat kelayakan baik mereka alirkan kepada Sains dan Teknologi jadi dengan melakar satu *bifurcation* di mana mereka tidak menarik pelajar-pelajar yang terbaik dalam sektor industri sektor Sains dan Teknologi peringkat bawahan. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Telok Bahang adalah satu yang baik dan saya rasa cabaran adalah sama dan kita boleh wujudkan agensi seperti PSDC tidak sama mungkin lain di Pulau Pinang yang akan memberi sumbangan kepada peningkatan tenaga mahir, saya rasa PSDC satu contoh baik dan saya rasa pengambilan pelajar-pelajar ke PSDC sebab mereka akan *guaranty* mereka dapat pekerjaan selepas mereka dapat kelayakan dari PSDC.

Jadi ini suatu isu yang kita perlu ambil perhatian Ahli Pulau Betong adakah soalan tentang. Kemudian saya akan teruskan YB. Payar Terubong sama ada Kerajaan perlu melihat atau mengkaji model asrama pekerja di negara seperti Dubai atau Singapura dan bagaimana kita akan mencontohi dalam Negeri Pulau Pinang. Saya rasa Kerajaan Negeri tidak ada apa-apa halangan supaya kita melihat kepada bagaimana asrama diwujudkan di negara-negara lain ataupun di Singapura ataupun di Dubai. Tapi jangan lupa bahawa apabila kita tidak boleh mewujudkan satu tanpa mengambil kira tentang undang-undang, dasar dan sebagainya yang ini khusus kepada Malaysia.

Jadi saya Singapura adalah satu negara, Pulau Pinang bukan satu negara so kita tertakluk kepada Undang-undang Malaysia jadi Dubai adakah Dubai satu contoh yang baik di mana pekerja dapat perlindungan jangan lupa apabila kita mewujudkan sumbangan kita mestikan beri perlindungan kepada pekerja-pekerja dan jangan lupa kebanyakan pekerja asing di Malaysia adalah datang tanpa izin. Dan mereka yang dapat apa ini yang ada dokumen-dokumen, mereka yang masuk dengan dokumen-dokumen yang sah bilangannya adalah kecil. Bilangan besar ini tidak ada dokumen, kalau pekerja asing ini tidak ada dokumen, pekerja yang masuk tanpa izin. Apakah perlindungan kepada mereka? Cuma Akta Kerja 1955 memberi perlindungan, itu perlindungan minimum, kita ambil Dubai, adakah Dubai satu contoh yang baik. Baru-baru tengok apa masalah yang wujud Qatar, IAO telah mengutuk Qatar, sebab saya dengar bahawa satu (1) minggu lebih kurang 15 pekerja meninggal dunia di Qatar. Satu (1) projek gergasi yang mereka bina. Jadi ada contoh yang baik daripada Negara-negara Arab ada juga contoh yang tidak baik, jadi janganlah kita membawa satu contoh di mana yang tidak boleh digunakan di Pulau Pinang ataupun di Malaysia. Walau bagaimanapun saya rasa kita telah bincang dalam di peringkat EXCO, bagaimana kita akan menjadikan asrama dan rumah-rumah untuk pekerja asing cuma untuk mengurangkan masalah sosial dan sebagainya.

YB. Machang Bubuk, kedatangan pekerja asing ke Malaysia ini, kita perlu menilai dari segi kebaikan dan keburukan bukan semuanya positif, bukan semuanya negatif, tapi persoalan yang penting yang kita perlu jawab adalah supaya kita akan teruskan dengan pekerja yang kurang mahir kebanyakan pekerja yang di Malaysia ini adalah yang kurang mahir. So apabila kita adakan pekerja yang kurang mahir saya

rasa gaji tidak akan naik kepada penduduk Malaysia. Jadi saya tidak tahu ini adalah satu yang dirancang atau tidak, kebanyakan majikan gunakan pekerja asing atas alasan pekerja ini tidak ada minat dan mereka gunakan pekerja asing di kilang-kilang tertentu, sama ada mereka dapat gaji yang baik, dapat suasana yang baik, saya pun tidak pasti tapi laporan-laporan yang kita terima keadaan pekerja asing yang di Malaysia ini sangat teruk. Jadi saya minta bahawa kebanyakan apa negara-negara seperti Eropah, mungkin Amerika Syarikat juga dapat pekerja asing, tapi pekerja asing yang mereka terima adalah pekerja yang mahir. Jadi kita dalam suatu dilema kalau kita meneruskan dengan pekerja asing yang tidak mahir, macam mana kita mahu membangunkan khususnya Pulau Pinang. Pulau Pinang memerlukan tenaga pekerja yang mahir, jadi itulah dilema yang kita menghadapi sekarang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Mohon. Baik banyak sangat Perai yang tak pasti ini, cuma saya ingin bertanya kepada Perai, apabila YB. Perai dan rakan-rakan ke luar negara, berjumpa pelabur-pelabur untuk *invite* mereka untuk mereka datang melabur di Pulau Pinang kenapa tak diberi penekanan supaya mereka juga mengambil menetapkan satu ketetapan bahawa mereka mesti mengambil pekerja-pekerja daripada Pulau Pinang dan tidak bergantung kepada keperluan Negara, jangan meletakkan semuanya kepada Kerajaan Pusat tetapi kita juga bila menyebut pelabur harus menekankan perkara ini jadi tanggungjawab kita bagi memastikan anak Pulau Pinang ini mendapat pekerjaan yang sewajarnya dan tidak diberikan dan semuanya sebahagian besar kepada pekerja-pekerja daripada luar negara.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Pulau Betong, *you* tidak boleh bagi satu contoh di mana kita tidak menekankan bahawa pelabur-pelabur asing ini datang menggunakan pekerja tempatan. Kita tidak katakan kita ada buruh yang murah, tidak akan, kita akan katakan jadi kita menafikan peranan kita saya tidak katakan memang jelas bahawa kita tidak akan salahkan Kerajaan Pusat sahaja, memang kita ada satu peranan, rakyat tidak akan terima kalau kita sentiasa menuduh Kerajaan Pusat, memang kita ada peranan walaupun saya rasa mungkin terhad, jadi dalam saya tidak bagi banyak rombongan ke luar negara, tapi apabila kita membuat pelabur asing ini bukan untuk kilang buat kilang-kilang yang buat yang gunakan buruh yang murah, tenaga buruh yang murah tapi *high value added ...* (dengan izin) pelaburan jadi dari segi itu saya rasa apabila kita sebutkan itu kita tidak menggalakkan dan kita tidak mengatakan bahawa kita ada pekerja yang murah, zaman itu sudah habis, zaman itu sudah habis kita tidak boleh mendekatkan dan kita ada buruh yang murah habis itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Perai. Benar. Maksud saya apabila kita ke luar negara, kita tahu apa jenis pelabur dan bentuk pelaburan dan akan dibuat oleh Kerajaan Pulau Pinang, ini kita tahu yang itu jadi bila kita tahu mengapa tidak satu mengembangkan lagi PSDC itu. Kedua menggalakkan dari pihak swasta untuk mengadakan kursus-kursus bagi menampung keperluan yang akan datang dalam dua tiga tahun akan datang. Ini yang patut kita lakukan dan Kerajaan Negeri patut berperanan dalam hal ini.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Kita tidak lari daripada tanggungjawab kita, kita ada agensi-agensi tertentu sehingga ada Pejabat Ketua Menteri, kita ada Invest Penang, kita ada PSDC dan Invest Penang merupakan salah satu pejabat macam *one stop centre* di mana mereka akan menguruskan segala yang berkaitan menguruskan Kerajaan Pusat, MIDA dan sebagainya jadi ini memang satu yang saya rasa kita tidak perlu bincang panjang lebar, sebab mereka yang datang mereka digalakkan, mereka bukan digalakkan, mereka mesti menggunakan tenaga pekerja yang Malaysia, di Malaysia ataupun di Pulau Pinang, tempatan, tenaga tempatan. Kita tidak akan, kita tidak kena, kita tidak galak, kita tidak mahu di mana mereka gunakan pekerja asing, apabila mereka gunakan pekerja asing inilah tenaga sumber Kementerian Sumber, Jabatan Sumber Manusia Jabatan Sumber Tenaga, dia jabatan mengawasi kita tidak ada kuasa itu untuk menentukan sama ada mereka boleh gunakan atau tidak dibenarkan.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Maksud saya YB. Perai kita ada kuasa untuk memastikan keperluan tenaga kerja yang diperlukan dalam dua tahun tiga tahun selepas mereka melabur daripada kilang untuk sediakan pekerja-pekerja mahir sekarang ini, so persediaan harus dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan yang kita ini mempunyai kepakaran pekerja yang mahir untuk memenuhi peluang pekerja yang akan ada itu.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Panduan sahaja. Kita tidak boleh mengarahkan mereka. *You* mau ambil pekerja ini, *you* mau ambil pekerja itu, kita tidak boleh, saya ingat Pulau Betong sudah tau kita boleh buat begitu dan juga Jabatan Tenaga Pekerja pun tak boleh itu, cuma kita bagi panduan, peraturan, undang-undang itu boleh yang saya rasa selaras dengan Kementerian Sumber Manusia mengenai pekerja asing dan pengambilan pekerja asing, itu kita boleh bagi tapi mungkin mereka sendiri ada pejabat sumber, mereka akan *interview* pekerja dan pengambilan itu satu proses dalaman kita boleh bagi asalkan mereka mematuhi undang-undang.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. YB. Perai saya cuma tertarik dengan jawapan yang dibagi oleh YB. Perai tentang tadi pekerja asing yang saya juga bangkitkan dalam perbahasan saya dan saya pernah tanya tentang satu soalan tentang gaji minimum. Adakah YB. Perai bersetuju bahawa gaji minimum ini akan membolehkan lebih ramai majikan-majikan untuk mengupah orang-orang tempatan, berbanding dengan orang-orang pekerja asing sekiranya gaji minimum itu juga dilaksanakan ke atas pekerja-pekerja asing juga menikmati gaji minimum yang telah ditetapkan.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak pasti bahawa pelaksanaan gaji minimum ini bermakna berakhirnya pengambilan buruh asing. Siapa pun tidak boleh, Menteri Sumber Manusia tidak boleh, Perdana Menteri pun tidak boleh *guaranty*, asalkan yang penting ini kita perlukan gaji

minimum bukan sebab kita tidak mahu ambil pekerja asing gaji minimum adalah satu keperluan pekerja tempatan pekerja Malaysia jadi ini bukan kita Kerajaan Malaysia memperkenalkan gaji minimum supaya mereka akan hentikan pengambilan pekerja asing, mungkin itu satu proses secara tidak langsung. Walau bagaimanapun saya rasa pekerja ini gaji minimum ini walaupun saya rasa dari segi pandangan Pakatan Rakyat gaji minimum yang rasmi ini kita pun tak setuju tapi. Walau bagaimanapun saya rasa kalau inilah satu dasar rasmi, kita boleh melihat berapa bilangan yang melaksanakan, *sorry, implement* gaji minimum di Malaysia sekarang. Saya rasa daripada apa yang saya dapat bahawa pelaksanaan ini sangat perlahan jadi sama ada pelaksanaan gaji minimum ini akan menghentikan pengambilan pekerja asing ini saya rasa saya tidak boleh bagi jawapan. Siapa-siapa tidak boleh bagi jawapan, Menteri Sumber Manusia pun tidak boleh bagi jawapan.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan izin saya untuk di sini untuk membuat penjelasan sedikit, kerana saya rasa apabila majikan-majikan boleh memilih untuk mengupah pekerja-pekerja asing yang *labour intensive* yang lebih murah daripada pasaran atau *labour market* pasaran yang ditempatkan itu, maka mereka akan memilih untuk mengupah orang pekerja-pekerja asing dan sekiranya gaji minimum itu ditetapkan ke atas pekerja-pekerja asing. Maka secara tidak langsung pekerja-pekerja tempatan dia akan memilih pekerja-pekerja tempatan yang juga mempunyai gaji minimum yang sama, so selain daripada memilih pekerja-pekerja asing yang mungkin tidak begitu faham budaya sini dan mungkin akan menyebabkan kos yang lebih tinggi lagi daripada mengupah pekerja-pekerja tempatan so ini adalah satu yang saya nampak secara tidak langsung seperti yang apa yang dikatakan oleh YB. Perai tadi, gaji minimum itu akan mengurangkan motivasi majikan untuk mengupah pekerja asing, tetapi jumlah gaji minimum yang ada sekarang atau dari gaji minimum yang ditetapkan sekarang pada kini adalah satu (1) yang terlalu rendah yang kita nampak pelaksanaannya juga kita tidak nampak ada iltizam politik daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakannya. Oleh itu saya nak tahu pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipelopori oleh Pakatan Rakyat adakah kita akan memastikan penguatkuasaan pelaksanaan gaji minimum ini di dalam Pulau Pinang ini....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Beri laluan, tentang perkara yang berkaitan. Saya ingin menarik perhatian bahawa sebenarnya International Level Organisation (ILO) cadangan atau *recommendation* mereka adalah agar sepatutnya bukan *employee* yang memberi tempat tinggal bagi pekerja asing sepatutnya apa yang seharusnya berlaku adalah pekerja asing mereka sendiri cari tempat tinggal. Ini adalah kerana maka kita akan mengujudkan masyarakat yang biasa, kehidupan yang biasa di mana umpamanya bila rakyat Malaysia pergi ke luar negara untuk belajar, untuk bekerja mereka sendiri akan cari tempat tinggal yang mereka suka, mereka sendiri yang mengendalikan kehidupan mereka, passport mereka tidak akan disimpan oleh *employee*, mereka tidak akan dikurung 15 orang 20 orang dalam satu (1) tempat tinggal yang sama namun ini tidak boleh berlaku di Malaysia disebabkan tiada gaji minimum kalau kami boleh menetapkan gaji minimum untuk pekerja asing bukan kebaikan juga seperti dibenarkan oleh YB. Machang Bubuk tetapi pekerja asing ini juga mampu mencari tempat tinggal sendiri, mampu hidup seperti orang biasa dan kami akan kurang



kegiatan jenayah, kurang tekanan perumahan, kurang gangguan penduduk-penduduk setempat yang berlaku disebabkan keadaan hidup pekerja asing yang tidak munasabah ini. Maka sebenarnya kalau kita boleh menetapkan gaji minimum bagi pekerja asing maka pihak kerajaan pun tidak perlulah mencari tempat tinggal khas bagi pekerja asing, terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Untuk pengetahuan kedua-dua ahli Yang Berhormat apabila Kerajaan Malaysia memperkenalkan minimum gaji ini untuk semua, ini bukan saja contoh orang tempatan, *you* tidak boleh adakan gaji minimum untuk pekerja Malaysia, ini gaji minimum untuk pekerja Malaysia dan ini gaji minimum untuk pekerja asing. Apabila *you* pergi ke Amerika Syarikat kalau *you* kerja *you* akan dapat gaji minimum yang sama dengan seorang warga Amerika *so* tidak ada, saya tak tahu macam mana *you* dapat ini gaji minimum untuk orang Malaysia saja *its not true* hanya satu gaji minimum. Walau bagaimanapun ada juga permintaan mungkin dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi satu (1), lima (5) tahun *great experience* sebelum gaji minimum dilaksanakan kepada pekerja asing, sebab saya tak setuju seperti yang saya kata tadi, PKR bayar minta gaji minimum RM1,100.00. Sekarang gaji minimum untuk Semenanjung Malaysia adalah RM900.00 untuk Sabah Sarawak RM800.00, tak apa itu permintaan kita itu hasrat kita itu perjuangan kita tapi gaji minimum adalah RM900.00 untuk semua. Kalau gaji minimum tidak dilaksanakan, saya mahu tanya Kementerian Sumber Manusia kenapa *you* beri pengecualian kepada banyak syarikat, kalau apabila syarikat minta 50 atau 500 syarikat minta pengecualian dia kata okey, kita bagi pengecualian. Ini saya rasa salah bagi tempoh pelaksanaan gaji minimum kemudian buat pelaksanaan penguatkuasaan gaji minimum.

Di Pulau Pinang berapa tempat, berapa majikan, bilangan majikan yang bagi gaji minimum, *so* jadi gaji minimum adalah gaji minimum, itu bukan gaji maksimum gaji minimum, yang ditentukan beberapa faktor. Dulu erti katanya *subsistence wage* gaji minimum. *So* jadi kepada Ahli Yang Berhormat kita perlu, saya rasa Malaysia ini 20 atau 30 tahun kebelakangan. Ini telah ditimbulkan oleh MTUC 70-an, 80-an, 90-an gaji minimum MTUC letakkan RM1,500.00 untuk gaji minimum, tapi baru tahun 2012, 2013 dia meluluskan undang-undang gaji minimum. Kita perlu gaji minimum tapi, saya tak katakan gaji minimum *is starting point, is not the end point so*. Jadi gaji minimum adalah untuk semua mungkin ini tidak dipakai oleh pekerja-pekerja yang datang tanpa izinlah, mana-mana undang-undang tidak di *relevan* kepada mereka, *so* itu apa ni pandangan saya sebab gaji minimum adalah satu titik permulaan kepada industri perhubungan di Malaysia kalau tak ada mungkin situasi lebih teruk...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan, maka apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu peniaga-peniaga *transition* kepada gaji minimum.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Tadi Kerajaan Negeri minta supaya satu (1) tempoh lima (5) tahun supaya gaji minimum ini tidak dilaksanakan terhadap mereka yang mempunyai ataupun yang ada pekerja-pekerja asing *is transition period*, sama ada ini akan diterima atau tidak. Saya

tidak tahu supaya untuk mengurangkan beban mereka, sebab alasan mereka ialah kalau mereka melaksanakan gaji minimum, mungkin mereka tidak boleh tahan lama, mungkin mereka boleh jadi mufliis, macam-macam boleh dikatakan. Jadi itu satu permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pakatan Rakyat supaya bagi satu (1) tempoh lima (5) tahun supaya gaji minimum ini tidak dilaksanakan terhadap pekerja kilang-kilang yang mempunyai pekerja-pekerja asing *this is one*, okey.

Jadi saya teruskan YB. Bukit Tengah bangkitkan isu Enakmen Kebebasan Maklumat. Saya rasa hari ini kita akan mengemukakan resolusi mengenai badan rayuan Enakmen Kebebasan Maklumat dan saya rasa perkara-perkara lain berkaitan dengan Enakmen Kebebasan Maklumat telah saya rasa disiapkan dan diterima oleh EXCO Kerajaan Negeri, saya rasa kita mengemukakan resolusi pada petang ini. YB. Tanjong Bunga minta kerajaan mewujudkan Pusat Pembelajaran di semua daerah dari segi Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris, Matematik dan sebagainya. Ini memang satu, bukan satu cadangan baru, satu cadangan yang kita terima dan saya rasa ini dari segi kos Kerajaan Negeri sendiri tidak akan melaksanakan ini tapi kita minta bahawa dua (2) hari ini kita wujudkan Karpal Singh Learning Centre di Bukit Gelugor. Ini adalah usaha di mana Kerajaan Negeri tanah ini Kerajaan Negeri tetapi ini adalah usaha sama antara sektor swasta dan Kerajaan Negeri *private public partnership*, dari segi ini kita boleh kurangkan kos dan sektor swasta ini akan menyumbang bukan sahaja *learning centre* dan juga satu jenis, kalau konsep PPP ini boleh dilaksanakan saya rasa ini kita boleh mewujudkan sama ada itu Pusat Sains Cafe atau Pusat Pembelajaran mungkin di banyak tempat di Pulau Pinang. Ini kita perlukan kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Jadi ini kalau Kerajaan Negeri melaksanakan semua ini kos sendiri, saya rasa mungkin tidak begitu mudahlah, so kita minta sektor swasta ini menceburi dalam bidang di mana mereka akan mewujudkan ini pusat pembelajaran.

YB. Pulau Betong, saya tidak dapat menjawab soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan mengenai Batu Kawan, mungkin saya boleh sedikit di sini. Saya ingin menjawab soalan YB. Pulau Betong yang ditujukan kepada saya mengenai unjuran bilangan penduduk Batu Kawan. Untuk makluman Yang Berhormat mengikut plan induk yang disediakan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang jumlah keseluruhannya Batu Kawan apabila projek-projek pembangunan di Batu Kawan siap sepenuhnya adalah dianggarkan 225 ribu orang. Jumlah ini mengambil kira unjuran 45 ribu buah rumah yang siap dibina dan diduduki pada masa itu. Bagi kawasan pembangunan tanah 685 ekar yang dimaksudkan pihak pemaju perumahan menganggarkan sebanyak 30 ribu orang akan tinggal di situ berdasarkan 70 buah yang siap dan diduduki pada masa itu. YB. Penanti supaya lebih banyak Cafe Sains dibina dia tak ada sini, perlu ke saya jawab. Saya lebih banyak kepada Cafe Sains yang dibina di kawasan bandar dan luar bandar, baru-baru ini Ketua Menteri telah melancarkan satu *Science Cafe* di *Crystal Point Penang* dan memang Kerajaan Negeri mempunyai hasrat sepertimana jawapan kepada YB. Tanjong Bunga, kita perlukan satu *partnership* antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta, sebab saya rasa Kerajaan Negeri ini kita dari segi kosnya kita tidak mampu untuk mengadakan pusat-pusat pembelajaran ini di seluruh Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan, terima kasih YB. Perai, saya fikir sumber-sumber MPPP atau MPSP terutamanya perpustakaan mereka di pasar awam yang banyaknya tidak dipakai dengan baik, mungkin itu satu sumber yang boleh pakailah, sebagai satu cawangan pusat daripada Karpal Singh Centre.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Adakah ini soalan atau kenyataan?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Soalannya, kalau semua ini boleh dipakai, kita ada banyaklah pusat cawangan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Setuju, saya setuju, itulah saya minta bahawa itu satu PPP dilaksanakan dengan segera di Pulau Pinang. Kita boleh mengenal pasti ada juga di pihak swasta yang ingin memberi CSR, mungkin Kerajaan Negeri boleh bekerjasama. Seperti diadakan Karpal Singh *Learning Centre* di Gelugor, *Crystal Point* dan sebagainya. Jadi, janganlah harapkan bahawa MPPP, atau MPSP atau Kerajaan Negeri sendiri melaksanakan semua itu sebab kos dan *maintenance* ini sangat-sangat tinggi.

YB. Bagan Dalam, saya rasa YB. Bagan Dalam telah minta kenapa untuk mewujudkan lebih banyak Sekolah Menengah Tamil di seluruh Pulau Pinang, tapi hasrat kita pada masa kita mewujudkan satu (1) Sekolah Menengah Tamil di kawasan Bagan, kawasan Ketua Menteri, dan Ketua Menteri pun telah menulis, dia memang keluarkan dalam akhbar, dua (2) surat kepada Menteri Pendidikan dan akhirnya dapat jawapan daripada seorang mungkin dari Kementerian, mungkin Pengarah, bahawa tidak ada apa-apa peruntukan dalam Akta Pendidikan ataupun ruang dalam Akta Pendidikan untuk mewujudkan Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang. Jadi, itu jawapan rasmi. So, ini bermakna Kerajaan Pusat tidak memberi kebenaran untuk menubuhkan sebuah Sekolah Tamil Menengah di kawasan Bagan. Tapi saya tidak tahu apa rasionalnya, mungkin ini sangat *legalistic*, ini undang-undang tidak dibenarkan, maka *you* tidak boleh mewujudkan Sekolah Tamil. Kita minta satu saja, di Bagan sebab ada perbezaan daripada masyarakat Tamil. Jadi, Kerajaan Pusat ini tidak bekerjasama walaupun kita bersedia dengan tapak tanah untuk Sekolah Menengah Tamil. Masyarakat Cina ada sekolah menengah. Sekolah kebangsaan ada sekolah menengah, mereka yang mendirikan sekolah swasta ada sekolah menengah, tapi masyarakat Tamil, masyarakat India tidak ada sekolah menengah. Cuma 523 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di seluruh Malaysia. Di Pulau Pinang kita ada 20. Jadi, saya minta kawan-kawan, Ketua Pembangkang, Telok Ayer Tawar, senior Ahli kawasan Pulau Betong, minta kerjasama lah, kita boleh runding meyakinkan Kerajaan Pusat supaya memberi *license* kepada Sekolah Menengah Tamil saya bersedia berunding dengan ahli-ahli, sebab ini adalah permintaan masyarakat India sebagai masyarakat Malaysia. Jadi, jangan sebut undang-undang tidak dibenarkan, kalau Kerajaan Pusat mahu, dia boleh buat pindaan mana-mana, tak ada masalah. So, jadi saya minta apa ni, YB. Telok Ayer Tawar boleh bekerja sama-sama kita, ini bukanlah selalu kita jadi musuh, tidak. Kita mahu bekerjasama juga. Saya minta Yang Berhormat, okey.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sila,sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Perai. Saya tak pasti sebab saya tak mendalam isu ini. Sama ada ada undang-undang yang tidak membenarkan tadi yang disebut oleh Perai. Setahu saya, *to my knowledge*, ...(dengan izin), tak ada disebut bahawa tak dibenarkan diadakan sekolah menengah dan sekolah rendah tadi ada sebut, tak ada satu pun di Malaysia, mungkin, saya tak tahu, mungkin tidak ada permintaan, saya pun tak tahu semua yang dari sekolah menengah nak pergi ke sekolah kebangsaan dan sebagainya. Jadi mungkin ini, kalau ada keperluan, dan ada permintaan, kita bolehlah dan saya rasa sepatutnya juga Perai telah membawakan isu ni di Parlimen. Terima Kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Isu ini telah dibawa ke Parlimen. Bukan dibawa oleh saya, saya bukan Ahli Parlimen, oleh kawan-kawan kita. Isu ini memang ada. Isu ini bukan baru saja. Mungkin dua, tiga tahun tak ada. Dan Ketua Menteri telah buat pengumuman tentang keperluan Sekolah Menengah Tamil, kalau ada, kalau wujud, ini merupakan satu saja Sekolah Menengah Tamil. Jadi, saya rasa ini tak payah bawa ke Parlimen lah. Ini mungkin satu yang boleh diuruskan, mungkin dengan Kementerian Pendidikan, Menteri Pendidikan, dan saya rasa parti MIC pun mungkin dia tidak buat apa-apa komen tentang Sekolah Tamil ni, mungkin ada sebab-sebab tertentu. Jadi ini mungkin, apa ini, boleh menghantar surat-surat berkenaan dengan sekolah ini kepada YB. Telok Ayer Tawar, kalau boleh bantu, kita berterima kasihlah. Ini mungkin kawasan Bagan Dalam. Okey, saya teruskan.

YB. Jawi telah menimbulkan beberapa soalan mengenai Perpustakaan Awam, di Pullau Pinang terutama YB. Jawi minta perpustakaan yang bergerak di Jawi dan juga untuk menambah bilangan perpustakaan. Jadi, sama ada perpustakaan sama ada perpustakaan bergerak atau perpustakaan yang biasa ini, ini akan bergantung kepada bajet dan keperluan yang akan dipastikan oleh Lembaga Perpustakaan Negeri Pulau Pinang dan saya akan membawa isu ini kepada Lembaga Perpustakaan dan isu sumbangan Kerajaan Pusat dan Yang Berhormat juga minta kenapa sumbangan Kerajaan Pusat ini adalah RM4.9 juta sumbangan tahunan dan Kerajaan ini Kerajaan Negeri menyumbangkan RM7.5 juta. Saya rasa mungkin dari segi peraturan. Kerajaan Pusat cuma boleh sumbangkan 50% daripada apa yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Pusat mahu tambah, memang itu satu yang kita mengalu-alukan itu ini. Kemudian, isu bahasa, apakah bilangan bahan-bahan dalam Bahasa Mandarin, Tamil? Setakat ini adalah 10% dan kebanyakan adalah sumbangan daripada pihak tertentu. Jadi, adalah permintaan Jawi supaya ini ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kemudian isu ini, isu peladang duduk..

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan, YB. Perai. Cadangan saya dalam ucapan perbahasan saya, memang kita mendapati bahawa selama ini bacaan dari segi Bahasa Cina dan Bahasa Tamil kurang daripada 10%. bahasa cina cuma 6.3%. bahasa Tamil 5.2%. So, cadangan saya, adakah kita boleh tetapkan setiap koleksi bahan bacaan yang diadakan di perpustakaan-perpustakaan pusat, cawangan, desa, bergerak mahupun lain-lain. Adakah kita boleh tetapkan sekurang-kurangnya 10%, ini kerana sebab, kalau bahan-bahan bacaan, ini bukan nak cakap *racist*, ini bukan cakap perkauman, kalau bahan-bahan bacaan dari segi ini kurang, macam dari segi bahan bacaan Cina, 6.3% dan Bahasa Tamil 5.2%, macam mana kita nak memberi ruang kepada pelajar-pelajar, orang ramai, penduduk, nak pergi mencari bahan bacaan sebagai rujukan ataupun baca. So, saya faham tadi YB. Perai bahawa mengatakan peruntukan, memang peruntukan Kerajaan Negeri lebih. RM7.5 juta dan RM4.9 juta adalah peruntukan daripada Persekutuan. So, peruntukan Persekutuan sebanyak RM4.9 juta adalah termasuk untuk membeli bahan bacaan koleksi dan soalan kedua, peruntukan Persekutuan 50% daripada peruntukan Kerajaan Negeri. So, adakah Kerajaan Negeri akan tambah lagi peruntukan untuk menambah baik, koleksi-koleksi bahan bacaan ataupun kemudahan-kemudahan di setiap perpustakaan? Dan tambahan ini juga tidak lagi dapat menambah lagi peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Terima Kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Jawi. Saya tidak tahu, saya tidak pasti sama ada Kerajaan Negeri akan menambah sumbangan kepada perpustakaan, ini akan berdasarkan kepada bajet mereka sendiri, keperluan mereka dari tahun demi tahun. Walau bagaimanapun saya rasa, Kerajaan Pusat ini sumbangan ini memang sedikit berbanding dengan Kerajaan Negeri, kemudian, isu ini balik kepada isu koleksi Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Sebelum kita bincang isu koleksi, penambahan koleksi, kita boleh lihat apakah keahlian perpustakaan, kemudian isu adalah sama ada kekerapan pembacaan sebenarnya ada 30,000 ahli ini tidak pernah menggunakan perpustakaan. Saya rasa, apa yang saya dengar ini, walaupun saya rasa koleksi ini boleh bertambah, tapi pembacaan, penggunaan koleksi ini mungkin tak begitu memuaskan. Ini kita boleh buat satu bancian, berdasarkan bancian, kita boleh buat keputusan, jadi, kita tidak ada apa-apa halangan untuk menambah bilangan buku-buku, teks, majalah Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dan ini akan dipertimbangkan dalam Lembaga Pengarah. Okey, ini daripada Penasihat Undang-Undang, ada juga satu permintaan untuk mewujudkan *Chinese Corner* di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, *incorporation*, kerjasama dengan Negara China, tapi, sebelum kita adakan apa-apa kerjasama, sama ada dengan Amerika, India, China, ini mesti dapat kelulusan, kebenaran daripada Kementerian Luar. *We cannot simply go and establish*. Tapi memang ada satu cadangan supaya kita wujudkan *Chinese Corner*.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Perai, soalan saya masih belum dijawab. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menetapkan satu (1) dasar sekurang-kurangnya 10% bahan bacaan. Tadi saya tak boleh terima jawapan yang diberi oleh YB. Perai. Kita kena tengok berapa jumlah ahli, baru kita nak tambah koleksi itu, itu tak betul, kita tak boleh tengok, kerana

sebab bahan bacaan koleksi yang kurang, ia memberi satu tanggapan kepada orang ramai supaya orang tak mahu pergi, saya banyak kawan, *graduate* dari universiti dan pelajar dari universiti, termasuk saya punya abang punya anak. Abang saya bawa dia punya anak pi perpustakaan nak cari bahan bacaan tak ada, termasuk juga kawan-kawan saya, mereka tak mahu pergi. / tanya mengapa tak mahu pergi? Mereka cakap koleksi bahan bacaan kurang. Tak dapat. Termasuk juga orang yang telah bersara, *retired person*...(dengan izinnya). Mereka nak pergi mana? Mereka pergi perpustakaan, nak belajar. Tengok *newspaper*, tengok bahan-bahan bacaan, tapi kurang. Saya nak minta macam mana kita cari jalan tambah. Selama enam (6) tahun ni. Kalau tak silap sebelum saya jadi ADUN, saya pernah baca surat khabar yang dibangkit oleh, kalau tak silap, YB. Air Itam. Tiga (3) tahun atau empat (4) tahun yang lepas, mengalu-alukan koleksi dan bahan bacaan Cina. Saya sendiri jadi Ahli Majlis saya pun pernah bantu untuk *recycle* semasa *end of the year* (dengan izin) untuk mengalu-alukan warga kita sesiapa anak mereka yang telah *graduate*...(dengan izin) derma buku itu dan kita kumpul buku itu kita hantar. Saya hantar, pi perpustakaan desa, saya hantar pi Perpustakaan Pusat di Seberang Jaya. Saya pun pernah berjumpa dengan Pengarah Perpustakaan, dia pun mengakui bahawa bahan bacaan kurang, selalu mendapat aduan daripada penduduk, pengunjung so ini menyebabkan orang tidak ada keyakinan nak *join member*. Mengapa saya nak *joint member*. *Joint member* pun saya pun tidak pi. Saya pun sebagai *member joint since* 1994. semasa saya belajar tingkatan 4, saya pun tidak pergi. Ini masalah lama. Sekarang kita kena beri satu (1) tumpuan, kita faham memang bukan dapat senang untuk menggalakkan orang baca tapi sekurang-kurangnya kita buat persiapan, buat perpustakaan kita dengan baik. Kita dapat menggalakkan ramai orang membaca, di kalangan Asia memang tidak ada *how to say hobby* membaca, kurang, tapi kita terus kurang kita kena ada cara untuk memupuk cari jalan. Macam saya ada satu (1) cadangan di kawasan Byram saya hendak memupuk, macam mana nak membantu mereka supaya mereka ada niat atau hobi untuk membaca. Sekian terima kasih.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

*Same, same.*

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan, bukan, bukan. Saya nak kongsi sedikit, semasa saya tinggal di luar negara selain daripada perpustakaan tempat kerja dan universiti, saya ada lima (5) lagi keahlian perpustakaan, kerana di Melbourne kalau umpama di Pulau Pinang, Pulau Tikus ada satu, Mount Erskine satu, Tanjong Tokong satu, Tanjong Bunga satu, Padang Kota satu, KOMTAR satu, Air Itam satu, mana-manapun ada satu. Setiap KADUN akan ada satu perpustakaan dan tambahan lagi. Sebenarnya saya tidak perlu lima (5) keahlian kerana saya boleh pergi kepada Perpustakaan Pulau Tikus, dari sana saya boleh tengok koleksi perpustakaan Balik Pulau, Batu Maung, dan kalau ada buku di sana yang saya nak, saya panggil sahaja Perpustakaan Pulau Tikus untuk bawa hantar ke Pulau Tikus dan saya *collect* dari Pulau Tikus.

Maka koleksi dari Pulau Tikus berkembang ke seluruh Negeri Pulau Pinang. Buku-buku di mana-mana pun saya boleh dapatkan. Tambahan lagi kalau ada buku yang tidak dapat dicari, memang susah cari buku yang tak dapat dicari kerana di seluruh Victoria tentu akan dapat cari buku yang anda nak, kalau ada buku yang tidak ada, saya boleh maklumkan kepada *librarian*, Pustakawan dan dia akan *order* maka masalah dengan kekurangan buku bahasa Cina, kekurangan buku bahasa India tidak akan wujud kerana koleksi buku mengikut permintaan. Jika buku tersebut ada permintaan maka perpustakaan akan bawa masuk dan tambahan lagi disebabkan ia koleksi diuruskan mengikut permintaan, maka buku di dalam perpustakaan juga diminati kerana ia memang buku yang telah diminta. Dan tambahan lagi perpustakaan-perpustakaan tersebut selain daripada buku ada juga DVD, muzik, jadi tak payah beli *pirated* DVD boleh pergi perpustakaan dengan percuma boleh pinjam selepas tengok wayang kembalikan lagi. Musik juga boleh *what ever music you* nak boleh.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Kita nak habiskan gulungan. Apa soalan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Ini adalah cadangan untuk mempertingkatkan dan membaiki pengurusan perpustakaan kerana memang dulu selepas kerja naik saja *tram* di kawasan tempat tinggal sendiri pun ada perpustakaan. Ini akan mempertingkatkan budaya yang menjadi *foundation*, asas kepada pembangunan negara.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Baik-baik saya bantu sikit. Tadi saya dengar Jawi dan juga Pulau Tikus mengatakan perpustakaan. Saya pun tertarik, berapa lama tidak pergi perpustakaan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya pun ada keahlian tapi bila pergi, koleksi tidak baik, jadi saya pun tidak pergi.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Berapa lama tidak pergi.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Mungkin tiga atau empat tahun.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Baru-baru ini saya pergi banyak saya cuma buat *homework*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya cuma nak bantu sikit Perai. Saya menggunakan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang. Staf-staf perpustakaan juga kenal saya di George Town, di Balik Pulau. Saya pergi bawa anak. Saya boleh katakan koleksi adalah bagus di George Town dan Balik Pulau. Yang lain-lain saya tak pernah kunjung. Saya tidak pernah pergi Jawi, tapi saya nampak Bertam. Saya pernah lawat Bertam *Library*. Hari Sabtu dan Ahad penuh dengan budak-budak semua. Budak-budak semua suka melawat *library* di Bertam. Dan saya rasa tentang saya cadangkan *percentage* itu dijadikan sebagai dasar sebab...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih. YB. Bertam memang suka membaca.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

10% itu saya rasa kena dimasukkan sebagai satu dasar, seperti penggal lalu, enam bulan lalu saya pernah kata koleksi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di Perpustakaan Negeri adalah bagus. Kita banyak buku-buku Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu tapi *percentage* bahasa-bahasa ibunda bahasa Cina dan Tamil adalah kurang. Seperti kata ...(gangguan), kita kena tetapkan satu dasar supaya 10% dan itu saya kata penggal lalu. Kita boleh bantu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat dengan peruntukan-peruntukan kawasan membeli buku untuk menambahkan koleksi kita. Itu saja.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih. Soalan yang ditimbulkan oleh YB. Jawi. YB. Jawi tunggu enam (6) tahun baru isu ini perpustakaan. Saya setuju kita meningkatkan koleksi Cina, Tamil, Arab semua betul-betul buat perpustakaan yang boleh dilawati oleh siapa-siapa. Tidak ada masalah. Saya rasa masalah besar adalah kekangan kewangan kepada perpustakaan. Sumbangan *federal* begitu, kebanyakan sumbangan ini pergi kepada *emolument*. Saya tidak ada apa-apa halangan, orang Tamil, orang India pun marah pada saya kenapa koleksi bacaan Tamil kurang. *Is not just you* banyak, apa yang kita boleh buat ini perlu dibangkit, kita akan bincang. Saya sebenarnya masa YB. Kawasan Air Itam dan kita menyumbangkan terhadap koleksi Cina di perpustakaan ini. Memang isu ini perlu dan ini dapat dibangkit saya rasa dari semasa ke semasa bagaimana meningkatkan bukan sahaja meningkatkan supaya kita juga ada kakitangan, saya minta Lembaga supaya kita ada kakitangan India yang berbahasa Tamil, Cina yang boleh berbahasa Mandarin. Kalau tidak ada kakitangan macam mana mereka boleh menguruskan koleksi ini...(gangguan), *let me finish*. Sebab saya rasa *you* mesti mahu faham berapa bilangan ini saya hadapi bukan sahaja di perpustakaan di semua tempat 57 tahun, 96% adalah kakitangan Melayu, *and this is a big problem*. Saya tidak nak salahkan siapa-siapa, dasar *human resources* apabila wujudkan isu ini bagaimana kita nak kembangkan *Chinese corner, Tamil corner, Arab corner* .....(gangguan).



**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

*Let me* habis. Ini I punya masa. Ok saya mahu jawab semua. *I'll give you a chance.* so YB. Jawi, you faham sikit. Bukan kita tidak ada, bukan saya bagi alasan, lari daripada tanggungjawab saya. Pertama saya mahu meningkatkan tenaga pekerja yang baik, bukan sahaja Melayu, Cina, India. Khususnya mereka boleh berbahasa Cina, boleh baca Cina, India boleh baca Tamil. Kalau tidak ada macam mana. Siapa yang uruskan koleksi, siapa yang pilih koleksi. *So the problem is not just on the surface,* tapi ini perlu saya akan lihat, janganlah kata saya tidak setuju, ini bukan hal, ini bukan permainan setuju tidak setuju. *You have to look into the situation properly. It's very important,* perpustakaan saya ada bincang dengan CM juga, bagaimana kita akan memperbaiki perpustakaan dan saya rasa pengambilan kakitangan mesti direstui oleh JPA berdasarkan kepada keperluan pencen. *You simply cannot go and employ people just as you like.* Inilah saya hadapi, saya tak mahu sebut halangan-halangan, alasan-alasan, inilah satu isu yang perlu ditangani.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya nak kongsi sikit, kerana di luar negara satu perpustakaan ada buku dalam bahasa Cina, India, Melayu, Turkish, Spanish, France, Dutch, German dan banyak bahasa. Cara mereka mengendalikannya, sebenarnya mereka telah ada kod, katalog sudah cukup perpustakaan awam tidak payah tahu baca, so setiap perpustakaan tidak memerlukan pegawai yang tahu Cina nak tahu India asalkan dikatalogkan dengan baik. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Lain di sini ialah kalau kita mahu pilih koleksi, kita tidak boleh pilih di mana-mana koleksi. Ada buku lucu. Jika ditulis dalam bahasa Tamil *you* boleh terimakah begitukah. *Come on* lah.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Dari pusat sudah boleh dikenali.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

*I think the foreign experience is important.* Tapi di sini kita kena berhati-hatilah. Okey, terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Perai, saya minta laluan. Saya bangkitkan isu ini kerana saya *concern* minta izin, saya sehingga hari ini duduk di sini sebagai *backbencher*, bukan sebagai EXCO Perpustakaan, kalau saya EXCO menguruskan Perpustakaan, saya akan ingat macam mana *planning*, saya faham tak cukup kakitangan itu perpustakawan. Bangsa

Cina tapi *I don't think it's big issue*, kita ada MMK Jawatankuasa, adakah MMK Jawatankuasa boleh jemput Yang Berhormat-Yang Berhormat, berbangsa Cina duduk bantu mungkin Air Itam boleh bantu, ada pengalaman, tiga (3) tahun, empat (4) tahun dia kena bangkit sekali lagi hari ini bukan kali pertama, kali kedua, kali pertama untuk saya. Saya minta macam mana ada rancangan untuk menambahkan koleksi bahan bacaan, kerana ...(gangguan).

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

*Sorry*, saya faham saya akan teruskan. Saya akan ini akan diteliti dari semasa ke semasa bagaimana kita akan tambah. Tapi kakitangan ini amat penting untuk uruskan perkara ini jangan anggap itu tidak penting dan ini akan kita bincang dalam Lembaga Pengarah bagaimana kita akan menambah bilangan bacaan Cina dan Tamil dan sebagainya, kalau ini memerlukan perubahan yang lain perlu juga kita telitilah.

Dengan itu saya teruskan isu penempatan semula penduduk-penduduk Ladang Byram, ini di Jawi juga. Saya sendiri dan Jawi terlibat dalam hal ini. YB. Jawi telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengenal pasti satu kawasan baru bagi mengumpulkan semula penduduk-penduduk Ladang Byram dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Byram serta memindahkan sebuah kuil sedia ada di ladang Byram. Pihak Kerajaan Negeri telah menyerahkan tapak tanah Ladang Byram kepada Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. untuk tujuan penggunaan sebagai tapak pelupusan sisa pepejal. Cadangan perpindahan penduduk-penduduk Ladang Byram adalah merupakan satu perkara yang tidak dielakkan. Walau bagaimanapun sejak dari mulanya Kerajaan Negeri telah pun mengadakan rundingan dengan penduduk-penduduk Ladang Byram demi menjamin kebajikan dan kesejahteraan mereka terbelah. Kerajaan Negeri telah menawarkan penyewaan unit-unit rumah di rumah Pangsa Jawi 3 kepada 19 buah keluarga Ladang Byram dengan menawarkan pampasan dan faedah lain yang lebih tinggi daripada pampasan-pampasan yang dijanjikan sebelum ini.

Tawaran pampasan kos perpindahan telah ditingkatkan daripada nilai sebanyak RM2,000.00 kepada RM4,000.00 dan Kerajaan Negeri akan membayar sewa bagi unit-unit Rumah Pangsa jawi tersebut untuk tempoh empat (4) bulan pertama. Pihak jabatan Kerja Raya Negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pula telah menyediakan pengangkutan khusus bagi membantu memudahkan proses perpindahan para penduduk.

Di sini hanya tiga (3) buah keluarga di Ladang Byram yang telah menerima tawaran berpindah ke Rumah Pangsa Jawi 3. Manakala empat keluarga lagi pula telah membuat keputusan sendiri untuk berpindah ke rumah-rumah estet lama yang wujud di Ladang Byram, yang mana lokasinya adalah agak berjauhan daripada tapak pelupusan sisa pepejal. Bagi dua belas buah keluarga yang lain telah mengambil inisiatif sendiri untuk berpindah ke rumah-rumah sewa yang terletak di bandar Nibong Tebal kerana mungkin ingin tinggal di lokasi yang berdekatan dengan tempat kerja dan sekolah anak-anak mereka.

Kerajaan Negeri belum lagi mempunyai rancangan untuk mengenal pasti dan mengumpulkan penduduk-penduduk Ladang Byram di satu tapak yang baru. Akan tetapi, bagi penduduk-penduduk ladang Byram yang belum lagi memiliki rumah sendiri, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada mereka untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah ataupun rumah mampu milik di tapak projek perumahan yang sedang dibangunkan di kawasan Ladang Kalidonia.

Kuil yang wujud di dalam Ladang Byram adalah Kuil Dewa Sri Maha Kaliyamman, Sri Muniswarar Aslayam. Sejak dari awal lagi, Kerajaan Negeri telah berunding dengan pihak Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. untuk mendapatkan sebuah tapak baru bagi Kuil tersebut. Pihak Sime Darby telah memperuntukkan satu tapak sementara berunjuran 2,000 kaki persegi yang terletak di Ladang Byram. Pihak kuil boleh menduduki tapak ini selama dua (2) tahun dan satu (1) tapak kekal yang baru akan dikenal pasti dalam tempoh masa tersebut. Kerajaan Negeri juga akan membantu pihak kuil untuk mengenal pasti satu (1) tapak kekal baru yang sesuai. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Byram pula, tidak ada cadangan pada masa kini untuk memindahkan sekolah tersebut. Akan tetapi, Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau situasi di sekolah tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya timbul masalah pencemaran dan keselamatan. Jadi Dato' Speaker, itulah jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan yang timbul dalam Dewan semasa perbahasan dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyumbangkan dalam proses demokrasi di dalam Dewan ini saya menyokong...(gangguan oleh YB. Jawi).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya ingin tanya satu soalan. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Byram kerana disebabkan tapak pelupusan yang berdekatan. Pihak sekolah telah berbincang dengan Kementerian Pendidikan dan mereka telah menulis surat kepada saya, menuju surat kepada saya minta adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk memindahkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ke satu tempat di kawasan Byram di kawasan yang lebih selesa kerana di sana mereka setiap hari mengalami pencemaran udara, pencemaran bunyi, dan budak-budak yang sedang bersekolah di sana ibu bapa sentiasa datang ke Pusat Khidmat saya untuk membuat aduan. Adakah rancangan tersebut dirancang kerana mereka risau setiap hari mengalami pencemaran udara yang menyebabkan budak-budak mendatangkan penyakit-penyakit pada masa depan. So saya sendiri berpendapat bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Byram ini tidak sesuai lagi di kawasan tersebut. Saya sebagai ADUN saya terpaksa membawakan kes ini merujuk kepada YB. Perai supaya Kerajaan Negeri membuat pertimbangan dan perbincangan untuk mencari satu penyelesaian pada masa terdekat. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sekolah Tamil Ladang Byram memang dalam perkiraan kita. Saya rasa situasi sekolah ini yang terlalu dekat dengan kawasan pelupusan sampah ini saya rasa bahaya, satu akan memberi kesan yang buruk kepada pelajar-pelajar di sana, memang kita ada, kita tidak ada satu dasar yang konkrit, tapi mungkin ada satu dasar jangka panjang bukan sahaja untuk memindah sekolah ke kawasan yang lebih jauh daripada tapak pelupusan sampah. Ini kita perlu dapat persetujuan daripada

Kementerian Pelajaran. Pemindahan sekolah ini adalah urusan Kerajaan Persekutuan dan saya rasa apabila masa itu sampai saya rasa masa itu saya tidak ada halangan daripada Kerajaan Pusat sebab perkara ini mungkin tidak begitu sesuai. Ini bukan sahaja untuk sekolah Tamil perlu dipindahkan, kita juga pindah fasa ketiga kita dapat dua (2) tahun kuil ini akan ditahan dua (2) tahun sahaja di tempat sementara yang telah dibekalkan oleh Sime Darby, kita mahu dapat satu tanah yang *permanent* dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga lagi satu (1) adalah perumahan, jadi sama ada kita mahu satu skim perumahan untuk pekerja-pekerja estet, bekas pekerja-pekerja estet Ladang Byram. Itupun memang dalam pertimbangan sepertimana Kerajaan Negeri telah menunaikan janji kepada pekerja-pekerja Ladang Victoria di mana PDC, kita telah serahkan kepada PDC, PDC buat satu rancangan di mana tuan tanah telah memberi tanah itu percuma kepada Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya kita boleh membina rumah untuk 60 penduduk di Ladang Victoria, sama juga di mana Kerajaan Negeri menunaikan tanggungjawab apabila kita telah mewujudkan satu program perumahan untuk Ladang Kalidonia, jumlahnya 15 ekar, rumah ini akan dibina dalam 7 ekar, saya rasa penduduk yang perlukan rumah, saya pun tidak begitu tepat tetapi saya rasa mungkin 100 begitu, walaupun saya rasa tidak begitu tepat jadi inilah program-program yang Kerajaan Negeri ada untuk di kawasan dalaman kawasan Nibong Tebal dan kawasan Jawi.

Saya perlu sebutkan sebelum saya tamatkan, bahawa Sungai Aceh pun juga menimbulkan satu perkara di mana dia kata kedua-dua Timbalan Ketua Menteri tidak bertanggungjawab, tak apalah, kita dan baru-baru ini, bukan baru-baru ini, mungkin dua (2) bulan ada satu (1) kebakaran di Ladang Transkrian yang hampir menjilat tiga (3) rumah walaupun saya rasa tiga (3) rumah bukan empat (4)...(gangguan), tak apa, biar saya habiskan. Jadi saya pergi, malam itu saya pergi ke sana, saya tidak nampak Ahli Kawasan Sungai Aceh mungkin sibuk, saya tak nampak Sungai Aceh, walau bagaimanapun saya rasa kita juga mesti berhati-hati, sebenarnya saya tidak boleh masuk ke ladang, sebabnya ini adalah harta swasta, kita memang ada juga peristiwa-peristiwa pahit di mana kita membersihkan tanah persendirian kita dapat saman daripada *lawyer* kerana kita mencerobohi. Jadi cuma Kerajaan Negeri atau pejabat saya cuma boleh memberi sebagai sumbangan, saya ingat pemilik ladang itu dia akan membuat satu (1) rumah, kita beri sumbangan kepada isi rumah, tidak ada pihak lain ada, mungkin saya tidak tahu sama ada Ahli Kawasan Sungai Aceh ada beri sumbangan atau tidak, tidak adalah, mungkin ada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Pasir ada.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Okeylah ada, tak apa, tak apa, tapi ini cerita tidak sampai kepada kita, jadi kita memang buat, tapi tidak boleh masuk secara rasmi di mana kita tidak boleh buat rumah secara langsung sebab itu kawasan *private property* dan kita ada masalah dengan itu, tapi secara tidak langsung kita boleh menyumbangkan terhadap keluarga di sana, jadi untuk menafikan tuduhan daripada Ahli Kawasan Sungai Aceh, tapi dia kawan saya tidak apa, dia memang, sekarang dia ada cabut gigi semua, ada kesilapan sikit sini sana. Jadi itulah jawapan saya kepada Sungai Aceh, jadi YB. Speaker sekali lagi saya ucapkan terima kasih...(gangguan), yes.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, saya tidak tahu, ada tak Peraturan 46.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sakit hati.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dia sebut saya tidak ada gigi...(ketawa), Air Putih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cabut gigi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tak apa dia nak bergurau, saya terima. Saya hendak menyatakan untuk rekod, saya pergi ke situ cuma YB. Perai dia terlupa, dia pergi ke kawasan saya, patut dia kena maklum kepada saya baru betul, lepas itu dia terus tuduh, saya tak pergi, saya pergi Yang Berhormat, okey...(gangguan), tak apa saya nak kena jelas ini untuk rekod, kalau tak pi kacaulah wakil rakyat ya. Saya pergi dan saya telah pun memberi sumbangan kemudian saya dibantu oleh rakan-rakan MIC pergi awal, saya pun tahu kata YB. Perai memberi sumbangan peribadi tapi jumlahnya kurang dari saya, untuk rekod. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan daripada Perai, terima kasih saya hendak, bagi, bagi. Terima kasih kerana YB. Perai sedia membantu di kawasan DUN Jawi terutama di kawasan Taman Kalidonia dan Victoria dan saya haraplah cadangan saya tahun lepas yang sekarang pun sama tubuhkan, carilah satu tapak untuk memindahkan sekolah Tamil dan juga Tokong Hindu ini dapat bersama-sama di kawasan itu dan juga membina satu perumahan *low cost, low medium cost* atau macam mana di kawasan Byram supaya mereka dapat berkumpul di kawasan tersebut ini adalah hasrat daripada penduduk-penduduk Byram sebelum dan selepas semasa saya berbincang, bermesyuarat, perjumpaan dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Saya sebagai wakil rakyat di kawasan itu kenalah bangkit isu ini kepada YB. Perai supaya kita sama-sama dapat membantu, saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini dan sebarang maklumat dan sebarang mesyuarat boleh jemput saya untuk hadir memberi sedikit penerangan. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Tuan Speaker, saya ingat itu saja, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbahasan dan saya terus menyokong.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih.

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua terlebih dahulunya saya dengan takzimnya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas ucapan dasar yang dizahirkan di Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 19 Mei 2014 yang lalu. Sesungguhnya ucapan Tuan Yang Terutama telah menyentuh keseluruhan strategi, tindakan dan program pembangunan Negeri Pulau Pinang dan ini mencerminkan keprihatinan dan kepekaan Tuan Yang Terutama terhadap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri ini.

Saya dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri akan menerima dan mempertimbangkan segala pandangan, buah fikiran, dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan bagi memantapkan pembangunan dan kesejahteraan Negeri ke arah menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri maju bertaraf antarabangsa dan pintar menjelang tahun 2020.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Machang Bubuk berkenaan Kajian Impak Sosial bagi projek pembangunan IKEA di Batu Kawan yang dikatakan akan memberi kesan kepada peniaga-peniaga kecil yang berniaga untuk meningkatkan ekonomi mereka. Berhubung pembangunan keseluruhan tanah seluas 245 ekar untuk pembinaan gedung IKEA dan pembangunan bercampur yang dicadangkan akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan jabatan-jabatan teknikal lain. Dalam hal ini, sekiranya Kajian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) merupakan satu syarat yang dikenakan oleh MPSP maka ia sudah pasti akan dipenuhi oleh pihak pemaju. Bagi pengusaha perabot tempatan, Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu Taman Perindustrian Khas untuk membolehkan mereka menangani cabaran IKEA dengan memantapkan dan memperluaskan perniagaan mereka.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, IKEA merupakan satu jenama terkenal dunia dan mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan lestari di Batu Kawan khususnya dan Pulau Pinang amnya. Untuk menarik minat IKEA supaya membuat pelaburan di Pulau Pinang bukanlah satu perkara yang mudah sekiranya Kerajaan Negeri menawarkan pakej tawaran yang biasa. Dalam hal ini untuk makluman Yang Berhormat negeri-negeri lain juga turut menarik IKEA untuk melabur negeri masing-masing dengan menawarkan dana sampai ada yang menawarkan tanah, saya ada yang menawarkan tanah secara percuma tetapi untuk Negeri Pulau Pinang kita tak mampu membuat demikian.

Oleh itu satu (1) pakej yang menyeluruh telah dibuat melalui usaha sama ASPEN-IKANO bersama IKEA dengan sebuah syarikat tempatan yang menawarkan pembangunan komersial lain seluas 20 ekar atau 30 ekar serta pada masa yang sama serta menawarkan pembangunan *commercialize* seluas 50 ekar serta pembangunan bercampur seluas 170 ekar. Harga jualan yang dibuat oleh PDC ialah RM30 sekaki

persegi untuk IKEA, RM38 kaki persegi untuk tempat komersial IKEA dan RM50 persegi pembangunan bercampur iaitu keseluruhan sebanyak RM483 juta. Dalam melaksanakan pembangunan ini IKEA mempunyai peranan dan peratus ekuiti, cadangan pembangunan seperti ini merupakan kali pertama dilakukan oleh IKEA kerana sebelum ini IKEA hanya membina gedung membeli belahnya di sesuatu kawasan. Apabila ia siap membangun dan tidak terlibat dalam pembangunan selain daripada pembinaan gedung IKEA itu. Tentu mereka rasa seperti kalau kita lihat ruang tamu apabila mereka membina gedung beli belah semua kawasan perumahan agar pembangunan di kawasan berhampiran telah melonjak nilai harganya dan mereka saya rasa mengambil keputusan ini buat kali pertama di Malaysia kalau pembangunan atau pembinaan IKEA boleh membawa kemajuan, dan juga pertambahan nilai mengapa mesti orang lain mendapat faedah. Mengapa mereka diri sendiri tidak menerima faedah atas jenama mereka, oleh itu mengapa sebab mahu satu kawasan lebih besar. Supaya mereka dapat membangunkan secara holistik mungkin, selain daripada gedung beli belah IKEA akan ada rumah IKEA pertama di Malaysia.

Di sini saya melahirkan perasaan kesal dengan Ahli Berhormat Ketua Pembangkang. Seperti dilihat cakap tak serupa bikin. Dalam hal berkaitan penjualan tanah seluas 245 ekar oleh PDC di Batu Kawan di mana soalan soal jawab, sesi soal jawab beliau telah tanya tentang rundingan terus tanah ini yang kita buat kepada IKEA dan rundingan terus hanya untuk satu (1) jenama istimewa IKEA sahaja, dan saya masih ingat Ketua Pembangkang menyatakan kita faham kenapa misalannya IKEA dibuat secara rundingan. Apabila hal ini ditimbul dalam *twitter* nya beliau pula menafikannya, bahawa beliau tidak bersetuju dengan kaedah rundingan berhubung tanah tersebut...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, minta maaf Ahli Kawasan Air Putih saya telah pun sibuk dalam Dewan ini saya tak pernah buka *twitter*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi ada dalam *twitter*

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tak tahu siapa yang sudah *hacked* masuk saya punya *twitter*, tapi saya maklumkan dalam Dewan ini kita semua terlalu sibuk tidak sempat tengok, tak buka pun *twitter*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau ini tak benar maka saya rasa saya harap Yang Berhormat boleh *check*, kerana di sini kita ada WiFi kita ada *free* WiFi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan sikit.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Nanti saya habiskan ini dahulu, so kalau ini tak benar tak apa baik, saya hormati dan saya terima apa yang dijelaskan Yang Berhormat, tapi saya harap Yang Berhormat boleh semak kerana muka Yang Berhormat ada, Yang Berhormat ada *twitter* kan.... (gangguan), tapi selalu itu *twit* nya selalu ada banyak ungkapan-ungkapan mungkin kita kena rujuklah, tak apa. Kalau ini keadaanya saya terima mungkin kena *hacked* seperti yang disebut, kalau kena *hacked* buat laporan Polis. Sila Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sebenarnya dalam ucapan saya. Soalan yang saya tanya berkenaan dengan IKEA itu. "Kita tahu selain rundingan terus, IKEA ada *competitors* nya seperti *bed and bath grows*, banyak syarikat-syarikat besar, sesetengahnya dari mereka ini ada dalam senarai syarikat *five fortune company, 500 fortune*." Jadi saya bertanya. "Adakah Kerajaan Negeri menjemput mereka ini, sama ada terlibat secara langsung dalam program ini untuk membawa *competitor* dia ataupun mungkin mendapat offer yang lebih tinggi." Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya berterima kasih. Saya masih tak sempat lagi, nanti saya habis saya bagi. Kali ini saya bagi. Jangan bimbang. Untuk itu gedung beli belah bersaing dengan lain. Saya rasa untuk menarik minat mereka bukan senang. Tentulah bila kita hendak menumpukan usaha, kita cari yang paling besar dulu dan saya rasa Yang Berhormat Telok Bahang bahawa IKEA adalah yang paling besar dari semua semua gedung beli belah perabot di dunia. Memang ini tak dinafikan, kita harap selepas IKEA menempatkan diri di Batu Kawan Pulau Pinang kita boleh menarik minat pesaing-pesaingnya. Kalau Yang Berhormat sudi bantu saya minta Yang Berhormat boleh bantu Kerajaan Negeri dan mempopularkan, kita boleh minta Yang Berhormat boleh jadi kita punya dutalah, duta perabot kepada syarikat-syarikat besar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini *offer*, ini bahaya ini. Ini sudah menjadi bahaya ini. Nanti disalah anggap oleh orang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini secara ikhlas kalau kita nak bangunkan Pulau Pinang kita tak mahu lihat dari segi kepartian, tapi ini duta perabot untuk Pulau Pinang bukan duta perabot untuk PR....(gangguan). Saya tak berapa faham tapi Telok Bahang lebih bersihlah. Sila Yang Berhormat Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya nak bercakap soal pembangunan di Batu Kawan dia ada kaitan bila Air Putih sebut tentang IKEA tadi. Pertama saya nak rujuk jawapan lisan Air Putih berkaitan dengan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah berkaitan dengan soalan



berkala itu. Saya tanya tentang cadangan kawasan mana yang terlibat di Seksyen 4 tadi. Kebetulan juga saya nak rujuk kepada laporan Perai tadi berdasarkan unjuran penduduk 250,000 apabila siap semua. Soalan saya berkaitan dengan pembangunan di situ. Adakah tidak selepas ini pembangunan itu akan terlibat dengan kampung-kampung di sana. Saya hendak minta Air Putih bagi jawapan lebih jelas kerana hari itu orang kampung tanya saya Seksyen 4 macam mana semua. Saya nak minta jelaskan di antara kampung terlibat Kampung Masjid, Kampung Pengkalan, Kampung Setia majoriti Melayu, Kampung Pengkalan bercampur Melayu, Cina, Kampung Pokok Asam kalangan India. Jadi itulah saya nak minta satu jawapan yang boleh lebih mantap supaya dapat saya jelaskan kepada mereka. Terima kasih Dato' Speaker.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Sungai Acheh, seperti saya sebutkan sebelum ini bahawa kita akan berusaha sedaya mungkin mengelakkan kawasan penginapan dan kita hanya kalau nak buat ialah untuk kawasan tanah-tanah pertanian yang kosong. Dan sekiranya ada pun satu (1), dua (2) sahaja. Oleh sebab itu kita cakap secara amnya itu dasar kerajaan kita tak mahu ambil tanah-tanah kampung atau kita tak mahu menyebabkan satu (1) kampung itu lupus atau hilang sahaja, masih kekal di sana dan kalau pun ada yang kita nak berikan tumpuan hanyalah untuk menjadikan kawasan lebih elok khususnya reban-reban ayam yang tak berlesen, saya rasa ia menjadi satu isu dan ini kita mungkin akan berikan perhatian. Saya rasa Yang Berhormat pun setuju tentang usaha ini, kerana ini memang kita menerima banyak aduan dalam perkara ini.

Mengenai isu peningkatan tarif air, tentu isu menjadi satu isu hangat dalam Dewan yang mulia ini. Oleh ini saya menyambut baik keperihatinan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kos operasi tahunan PBAPP pada 2011 ia membawa RM211,947,062.00, manakala adalah sebanyak pada tahun 2012 RM230,889,835.00, manakala pada tahun lepas 2013 adalah sebanyak RM237,085,048.00. Sungguhpun berlaku peningkatan kos operasi PBAPP pada setiap tahun ia bukanlah menjadi titik tolak atau alasan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tarif air di Negeri ini. Peningkatan tarif air ini dibuat atas dasar seperti berikut:

Khususnya mengelakkan daripada catuan air berlaku khususnya mengelakkan daripada catuan air berlaku di Pulau Pinang.

Ini adalah objektif utama dengan menggalakkan semua pengguna air Pulau Pinang mengurangkan penggunaan air mereka. Dengan pengurangan penggunaan air mereka secara tak langsung maka akan membantu PBAPP untuk tidak mengenakan catuan air di Pulau Pinang.

Dalam masa yang sama sekiranya pengguna air domestik dapat dikurangkan ia dapat membantu Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek Skim Air Mentah Sungai Perak sebanyak RM2.0 bilion menjamin sumber air bagi Pulau Pinang selepas 2020 hingga 2050. Kita telah mendapat maklumat daripada pihak Kementerian, apabila kita meminta bahawa pihak Kementerian menunaikan janji untuk memastikan bekalan air mentah yang cukup, mereka cakap mereka rasa Pulau Pinang sudah cukup kalau kita boleh kurangkan penggunaan air ke purata Kebangsaan, maka ini boleh dilanjutkan lebih panjang lagi.

Dengan itulah sebabnya mereka cakap *priority* harus diberikan kepada mengurangkan penggunaan air. Di sini apabila Kementerian cakap macam itu kita susah nak jawab memang kita akui penggunaan air di Pulau Pinang adalah tertinggi di Malaysia, 311 berbanding dengan purata Kebangsaan 212. Mungkin ini tak disebut oleh surat mereka, mungkin mereka rasa kita belanja begitu besar akhirnya digunakan berlebihan oleh pengguna di Pulau Pinang kerana tarif yang rendah maka tidak berbaloi dan beri tumpuan di negeri-negeri lain.

Untuk mengukuhkan tuntutan Pulau Pinang bahawa janji yang dibuat harus ditunaikan kerana kita pun mesti munasabah. Memang pengguna air yang terlalu tinggi ini tak boleh diterima, oleh itu kalau kita buat usaha sedemikian, saya rasa kita boleh memujuk menyakinkan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk meluluskan cadangan pemindahan air mentah daripada Sungai Perak ke Sungai Kerian. Dan itulah saya rasa sesuatu yang penting untuk menjamin bekalan air selepas 2020 ke 2050. Secara purata cadangan tarif domestik di Pulau Pinang bagi 35 meter padu pertama adalah sangat rendah. Ini kalau berbanding dengan Johor RM1.05 kita hanya RM0.31 sen selepas kenaikan hanya naik juga tapi RM0.32 sen, tumpuannya seperti Yang Berhormat semua maklum ialah untuk meminta yang guna air berlebihan untuk kurangkan penggunaannya. Ini soalan. Pada masa yang sama untuk purata tarif kebangsaan domestik RM0.66 permeter padu. Ini jauh sekali ganda, lebih sekali ganda tinggi daripada harga tarif air di Pulau Pinang. Johor adalah RM1.05 sen iaitu lebih 3 kali ganda.

Berhubung dengan berkenaan *charge* Kerajaan Negeri kepada PBAPP penghijrahan aset air di Sungai Muda ke Lahar Tiang. Saya ingin menjelaskan bahawa sememangnya terdapat *charge* air mentah PBAPP kepada Kerajaan Negeri RM10.82 juta pada 2013, iaitu RM10.58 juta pada 2012 dan RM10.4 juta pada 2011. Kenaikan tarif air sebanyak 20% adalah untuk mengelakkan daripada menjalankan catuan air. Lebih-lebih lagi apabila musim kemarau yang serius apabila kesan fenomena El-Nino melanda Malaysia pada pertengahan tahun. Ini sesuatu yang amat membimbangkan kerana dijangka oleh Jabatan Kaji Cuaca sekarang hingga bulan 10 akan hadapi musim kemarau amat serius. Saya rasa kita begitu komited untuk memastikan tidak ada catuan air.

Demi kebahagiaan atau kesejahteraan penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan juga industri kita, kalau tak ada air betul-betul jahanam perniagaan, perdagangan dan perindustrian Pulau Pinang. Oleh itu macam mana susah pun kita mesti elak daripada berlakunya catuan air dan kita kena lihat ini satu perkara yang serius, kerana kalau Taiping sebuah pekan mempunyai penurunan hujan yang paling tinggi di Malaysia pun boleh berlaku catuan kita jangan memandang ringan masalah ini. Dan kalau kita lihat apa yang kita cadangkan untuk tarif perniagaan pun di antara yang paling rendah, selepas kenaikan, ini ialah selepas kenaikan. Secara purata ialah RM1.36. RM1.36 kalau kita lihat dengan purata Kebangsaan ialah RM1.45 dan kita masih rendah kalau berbanding dengan Negeri industri Kedah, Selangor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Johor tak payah sebut, di sini berbanding dengan negeri-negeri yang ada industri, Pulau Pinang masih rendah. Tarif perdagangan untuk seluruh Negara RM1.45 Pulau Pinang selepas kenaikan ialah RM1.36, tentu ini masih Pulau Pinang menjadi satu pusat bandar yang menarik untuk pihak perindustrian. Saya rasa ia tidak akan menjadi sesuatu yang akan menjadi penghalang tapi menjadi penggalak.

Apabila kita membuat keputusan pahit untuk menaikkan kadar tarif air, keputusan ini telah pun dipuji oleh pihak perindustrian dan dalam *Business Time Singapore* pun telah memuji keputusan berani ini untuk memastikan dan menjamin bekalan air yang terjamin. Dan saya rasa itulah pendirian yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dan ini menunjukkan bahawa kita bukanlah kerajaan populis bahawa kita sedia untuk membuat keputusan yang sukar demi kesejahteraan masa depan Pulau Pinang. Kita sedia dikritik dan kita terima kritikan itu tapi saya rasa untuk semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Kerajaan lebih baik kita terima kritikan sedemikian daripada dicaci, dimaki hamun kalau catuan air berlaku. Saya rasa pengalaman di Selangor memang pahit dan pedih sekali yang kita terima daripada rakan-rakan kita di Selangor yang dimaki hamun, dicaci, dicerca sampai ada yang rakan rakan kita di Selangor tak berani keluar pun apabila catuan air dijalankan, so saya harap Yang Berhormat dalam Pakatan Rakyat kita mesti bersikap berani apabila menghadapi masalah ini kerana kita kena ingat, kalau kita terpaksa jalankan catuan air yang kritikal ini akan jauh lebih teruk bukan 10 kali ganda, 1,000 kali ganda lagi teruk, lihat apa yang berlaku pengalaman pahit di Selangor dan kita telah membuat semua perancangan yang boleh dan yang baik termasuk memberi amaran kepada pihak pengurusan tertinggi PBAPP.

Kalau selepas rancangan ini masih perlukan catuan air, maka pihak pengurusan mesti bersedia menerima akibatnya. Apa yang saya sebut dengan begitu tegas sekali *head were roots and head shall roots*, ini untuk menyatakan bahawa jangan cari jalan mudah, kalau tak ada air, catu air saja, tidak kita takkan berikan jalan mudah sekarang mesti kreatif, inovatif, fikir macam mana ada bekalan air yang cukup. Tak ada jalan mudah untuk anda lagi, kalau gunakan jalan mudah untuk catuan ini, tiada esok bagimu. Itulah mesej tegas yang kita berikan dan di sini Encik Ir. Jaseni sebagai Pengurus Besar pun ada di sini, beliau menerimanya dengan hati terbuka kerana beliau yakin sebagai sebuah syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia beliau adalah seorang profesional dan beliau yakin dengan pengurusan profesional ini, beliau boleh menerima cabaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Kita harus bangga dengan sikap sedemikian, berani menghadapi cabaran dan itulah saya rasa salah satu sebab mengapa PBA dimaklumkan sebagai satu syarikat yang mempunyai pengurusan yang paling efisien dan dinamik di seluruh Malaysia. Saya kena sebut sedikit, syabas kepada PBAPP.

Mengenai subsidi. Ini seperti saya sebut tadi kita rela subsidi kita subsidi RM68.4 juta untuk pengguna domestik saja, yang perdagangan satu sen pun tak bagi, tapi domestik kita subsidi RM68.4 juta untuk memastikan kadar air domestik adalah data yang begitu rendah yang saya sebutkan tadi. Saya juga suka memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah melaksanakan beberapa langkah yang terperinci dalam memberikan penerangan dan pendidikan kepada pengguna untuk penjimatan air termasuk di kawasan luar bandar. Antara langkah yang diambil adalah program-program seperti program bersama Persatuan *Water Watch* (USM), *Aqua Save Programme*, pengedaran risalah kempen kesedaran, program kesedaran tentang penjimatan air di sekolah, penglibatan PBAPP di semua majlis-majlis, Pesta Pulau Pinang di peringkat akar umbi dan selain itu kerajaan negeri melalui PBAPP sedang merangka kaedah lain dalam menggalakkan rakyat penjimatan air dengan mengadakan *roadshow* dan sebagainya. Tentulah kita rela terima cadangan yang kita kemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk meningkatkan kempen kesedaran ini tetapi kita harap, kita rasa ia hanya berkesan kalau kita boleh mulainya

di peringkat sekolah. Kadang-kadang sukar untuk menukar tabiat rakyat, kalau biasa menggunakan kadar air, lebih mudah untuk kita mula di peringkat muda. Mengenai desakan untuk surcaj penggunaan air sebanyak 60% suka saya jelaskan di sini bahawa isi rumah yang besar yang melebihi 8 orang boleh memohon mendapat diskaun 60% ini. Semua borang boleh didapati di sembilan (9) Unit Khidmat Pelanggan mulai 16 April dan pelanggan perlu mengemukakan beberapa dokumen untuk pengesahan PBAPP. Saya rasa semua telah dinyatakan secara terperinci oleh PBAPP dan syarat mereka dan tentu maklumat ini akan diedarkan bersama dengan bil-bil air yang dihantarkan. Yang Berhormat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan, Yang Amat Berhormat, mengenai surcaj air itu, saya nak tanya dengan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri pada semua dengan RM100.00 itu dengan caj air yang dikenakan berapakah *offset* daripada RM100.00 dengan surcaj ini? Adakah ini diambil kira, sekiranya kita akan lihat seolah-olah bantuan RM100.00 itu kepada mereka ini macam *offset* dengan daripada surcaj air itu, adakah Kerajaan Negeri akan tambah lagi wang kepada masyarakat kerana berlakunya perkara ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini saya rasa kita masih belum dapat, ini masih baru lagi, kita kena lihat kesannya apabila bil air dikira dengan sepenuhnya, tapi saya lihat di sini bahawa kesannya tak besar kerana kita tahu yang menggunakan air berlebihan adalah tak sampai 25%, so di sini saya rasa kita kena tunggu untuk melihat apakah kesan yang sebenarnya, kerana setengah pihak selepas surcaj air pun kadar air di Pulau Pinang masih rendah berbanding negeri lain, itulah sebabnya impak tak cukup sampai NGO pun masih marah Kerajaan Negeri kerana cakap kita tak cukup berani, mereka meminta kita naikkan lebih tinggi lagi, tapi kita cadangkan *slow* sikit, kita tengok macam mana.

**Ahli Kawasan Telok Bahang ( YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Amat Berhormat, boleh bagi senarai NGO-NGO tersebut kita boleh dialog dengan mereka.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya boleh cakap terus terang CAP, CAP daripada dulu 2008 bila kita jadi kerajaan dia dah menuntut dan cakap jangan populis, dia cakap tak apa, tak apa, pakcik kalau boleh kita.... (gangguan).Okey pak lah, bapak kalau kita guna istilah Indonesia dia cakap Bapak kita cuba dulu, cuba dengan cara pendidikan, dia cakap tak akan jalan punya, sudah lama pendidikan, tak apa ini kerajaan baru kita cuba, cuba enam (6) tahun tak berjaya, kita pun akur kita pun terima itu tak berjaya sebabnya akhirnya kita naikkan kadar tarif air, semua *NGO Water Watch*, NGO Pengguna, itu semua yang meminta kita semua menaikkan lebih tinggi dan saya rasa kita memang tahu dan sebagai sebuah NGO alam sekitar itulah pendirian mereka tetapi kita mesti mengambil kira masalah dan yang akan dihadapi pihak pengguna.

YB. Air Itam membangkitkan soalan status pelaksanaan Sistem Penilaian Kualiti Perbahasan ADUN-ADUN. Menjawab kepada perkara ini yang dibangkitkan saya ingin memaklumkan bahawa cadangan pelaksanaan ini masih dibincangkan secara terperinci oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bersama-sama *backbenchers* bagi menentukan terma-terma rujukan yang sesuai sebelum ia dapat dilaksanakan sepenuhnya. YB. Air Itam juga turut membangkitkan soalan status Akta Pengurusan Strata dan bilakah akta ini akan dibawa ke Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Akta Pengurusan Strata 2013 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada November 2012, dan digazetkan 8 Februari 2013.

Walau bagaimanapun tarikh kuasa akta tersebut di negeri-negeri semenanjung Malaysia masih belum ditetapkan sehingga hari ini. Menurut Seksyen 1(3) Akta Pengurusan Strata 2013, Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menetapkan tarikh kuat kuasa akta tersebut di negeri-negeri Semenanjung Malaysia selepas berbincang dengan Pihak Berkuasa Negeri. Status terkini dalam pelaksanaan akta tersebut Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan, Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan melalui mesyuarat yang dijalankan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 22 April 2014, bahawa pihak kementerian masih lagi berbincang dengan Jabatan Peguam Negara mengenai draf kaedah-kaedah yang perlu digazetkan bagi menguatkuasakan akta ini termasuklah kaedah-kaedah tribunal pengurusan strata. Oleh sebab itu kita kena tunggu lagi daripada pihak kementerian pusat.

Saya juga ingin ucapkan terima kasih YB. ADUN Kebun Bunga dan Paya Terubong yang memberikan cadangan antara lain *One Stop Centre*, filem dan sebagainya. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan yang diberikan mengenai perkara ini. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa Negeri Pulau Pinang kebelakangan ini sering menjadi destinasi tumpuan oleh syarikat-syarikat perfileman untuk mengadakan aktiviti penggambaran filem pada bulan Mei 2014, terdapat lima (5) buah syarikat penerbitan filem dan drama TV yang telah memohon bantuan daripada Kerajaan Negeri bagi menyediakan kemudahan seperti sewaan lokasi penggambaran filem, tempat penginapan, bantuan untuk menutup sebahagian jalan ketika penggambaran dan sebagainya.

Bagi memastikan urusan penyelarasan dan aktiviti penggambaran filem dan drama dapat dijalankan dengan lebih efisien dan efektif. Kerajaan Negeri berhasrat untuk melantik Penang Global Tourism sebagai penyelarasan penggambaran filem di Pulau Pinang. Di mana kita telah berjaya menarik syarikat-syarikat filem antarabangsa baik daripada Korea, baik daripada Hong Kong, Taiwan dan juga United Kingdom yang akan membelanjakan atau akan mengeluarkan satu (1) filem yang diterbitkan dan menggunakan Pulau Pinang sebagai set lokasinya dengan nilai 10 juta *pound*.

Untuk kawasan Paya Terubong saya rasa kita berhasrat bukan sahaja untuk membina infrastruktur asas tapi juga melihat tempat-tempat rekreasi ataupun sukan. Ini akan diperincikan selepas kajian yang sedang dijalankan itu dapatlah disiapkan. Berkenaan cadangan YB. ADUN Tanjung Bunga supaya Banglo Kerajaan Negeri di Bukit Bendera diduduki oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan YB. EXCO bagi memastikan banglo ini sentiasa terpelihara. Saya rasa sungguhpun kita menghargai cadangan ini tapi ini bukanlah satu penyelesaian yang konkrit untuk memastikan banglo-banglo

tersebut dipelihara, dan kita lebih suka, lebih baik daripada biarkan banglo ini tunggu lawatan daripada Ketua Menteri atau Ahli EXCO kita gunakan untuk menjana hasil. Itulah sebab kita akan lancarkan atau buat RFP untuk banglo-banglo Kerajaan Negeri, empat-empat banglo iaitu Strawberry Hill, Woodside, Convalescent, Fernhill dan Hillside.

Menjawab soalan YB. ADUN Penanti berkenaan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh setiap Pejabat Daerah di Pulau Pinang bagi kerja-kerja kemudahan infrastruktur asas di bawah peruntukan P01 butiran 64 Projek Khas Ekonomi Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM5,712,510.00 bagi daerah-daerah di Pulau Pinang. Peruntukan ini merangkumi program-program pembaikan rumah rakyat termiskin, menaik taraf tandas di kompleks gerai, pemberian bantuan peralatan, menyelenggara dan menaik taraf Dewan orang ramai serta jalan kampung. Manakala di bawah peruntukan P12 JKR Pulau Pinang telah diperuntukkan RM10,545,160 yang merangkumi Jalan Negeri, jambatan serta keselamatan jalan raya, seperti lampu isyarat, kemudahan OKU, papan tanda dan mengecat jalan. Peruntukan ini disalurkan melalui JKR Daerah mengikut kelulusan di bawah program-program pembangunan yang akan sentiasa mengambil kira keperluan rakyat Pulau Pinang.

Tentang isu pembangunan Sri Tanjung, Projek STP 2 iaitu Sri Tanjung Pinang 2. Ini adalah ekoran daripada perjanjian konsensi STP 2, yang ditandatangani pada tahun 1990 di mana seluas 60 ekar dalam laporan STP 2 akan dituntut semula dan ditambah pula di mana 60 ekar tanah dalam STP 2 akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan menjadikan simpanan tanah Kerajaan Negeri, tetapi selepas rundingan tambahan dibuat oleh kerajaan baru, ini telah pun ditambahkan kepada 191 ekar iaitu tambahan 131 ekar, bukan sahaja di pulau buatan manusia yang baru tapi juga di sepanjang jajaran Gurney Drive, dan kita bercadang untuk membuat kawasan-kawasan awam sebahagian daripada tanah tersebut.

YB. Pulau Tikus membangkitkan mengenai isu kos penggalian di sekeliling STP 2 yang dilakukan setiap lima (5) tahun dan syarat yang ditetapkan supaya projek tersebut tidak akan mengakibatkan banjir di Tanjung Pinang. Kos pengorekan tanah ini bergantung kepada kemajuan kerja-kerja penambakan yang dijalankan yang dianggarkan kira-kira 1 hingga 2 juta ringgit akan dibiayai, akan dihabiskan untuk setiap kali kerja-kerja tersebut dilaksanakan dan tentu ia bergantung kepada kadar pasaran semasa.

Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa STP 2 dilihat sangat berisiko kepada rakyat dan menyoal kesan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri sekiranya menghentikan projek ini separuh jalan dan berkenaan dengan jabatan yang bertanggungjawab menilai laporan penebusan tanah yang di hantar setiap enam (6) bulan. STP 2 telah mendapat kelulusan DEIA di mana pihak pemaju perlu mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang telah ditetapkan antara pemaju hanya boleh buat penambahan 760 ekar, pulau-pulau buatan manusia, 131 ekar di tepi Pantai Gurney serta aktiviti pengorekan di *flushing channel* sahaja.

Selain itu peruntukan dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 juga perlu sentiasa dipatuhi seperti pembangunan STP 2 yang dicadangkan mestilah selaras dengan konsep projek yang dinyatakan dalam DEIA serta tertakluk kepada kelulusan penilaian kesan alam sekitar yang berasingan oleh Jabatan Alam Sekitar dan aktiviti yang

ditetapkan di bawah perintah kualiti alam sekitar 1987. Pihak pemaju perlu mendapat kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri dan jabatan teknikal berkenaan sebelum STP 2 yang dicadangkan tersebut dilaksanakan. Syarat-syarat dan syor daripada perunding DEIA perlu dimasukkan sebagai syarat dokumen tender dan perjanjian kontrak yang akan dipenuhi oleh mana-mana kontraktor, subkontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan STP 2 yang dijalankan. Kelulusan bersyarat DEIA adalah sah untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh pengeluaran dan semua kerja-kerja yang akan dijalankan di STP 2 yang dicadangkan mesti mematuhi keperluan berkaitan dengan kerja khusus dan spesifikasi yang dinyatakan termasuklah kewajipan pelaporan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Dari sudut undang-undang sekiranya mana-mana pembatalan STP 2 memerlukan pembayaran pampasan oleh Kerajaan Negeri seperti yang tertakluk dalam perjanjian konsensi tahun 1990. Kerajaan hendaklah menanggung rugi syarikat bagi apa-apa kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang dialami akibat daripada pembatalan kontrak tersebut. Menjawab kepada soalan mengenai jabatan yang bertanggungjawab dalam menilai laporan penebusan tanah, laporan pemantauan berkala ini akan dikemukakan dan dinilai oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dengan bantuan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat Persekutuan. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan, saya ada beberapa soalan mengenai perkara ini. Satu, terima kasih sebagai wakil rakyat saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kawasan awam akan disediakan daripada 131 ekar tanah yang akan ditebus, tapi saya *curious* sikit apakah jenis kawasan awam ini dan di mana perancangan bagi 131 ekar ini bilakah boleh diumumkan kepada orang awam agar mereka boleh tahu jenis kawasan awam yang bagaimana akan diwujudkan itu soalan satu (1). Soalan dua (2), kalau saya dengar dengan betul tadi Yang Berhormat Ketua Menteri kata kos penggalian adalah 1 hingga 2 juta ringgit serta tertakluk kepada pasaran tapi dalam laporan EIA dia kata Kerajaan Negeri perlu gali mungkin setiap lima (5) tahun maka apakah pandangan Kerajaan Negeri tentang kriteria ini dan akankah Kerajaan Negeri menerima bahawa kami yang perlu menggali setiap lima (5) tahun dengan perbelanjaan sekurang-kurangnya RM1 juta hingga RM2 juta.

Dan soalan ketiga mengenai Jawatankuasa Khas yang telah saya cadangkan selain daripada bagi projek yang begitu rumit dan besar dan memberi impak yang selama-lamanya bagi Negeri, apakah pandangan adakah Ketua Menteri berasa bahawa Jabatan Alam Sekitar sahaja mencukupi untuk memantau kerja-kerja ini memandangkan ada kerja-kerja pembinaan yang memang kebiasaan di mana akan ada kesilapan, *over site* yang mungkin berlaku. Dan soalan ketiga, walaupun kami perlu membayar pampasan dan kerugian kepada pihak pemaju, jika kami membatalkan kontrak adakah kemungkinan bahawa pampasan kerugian yang kita kena bayar masa kini akan lebih murah daripada jika ada apa-apa kesilapan yang berlaku pada masa depan. Terima kasih.

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah, terima kasih kepada Yang Berhormat Pulau Tikus. Tentulah kalau kita sebut tentang tanah yang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri, di antaranya ialah untuk tujuan awam, ini termasuk untuk dan ini termasuk pembinaan satu jalan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas, di mana kita harap mungkin ada satu Lebu Raya sebelah lorong dan juga kawasan-kawasan lain, demi untuk mengekalkan Gurney Drive sebagai satu tempat rekreasi ataupun satu (1) tempat tumpuan orang ramai seperti yang wujud sebelum ini. Dan saya rasa ini amat penting kerana kita mahu lihat keadaan di mana dekat Gurney Drive ada air laut sepanjang masa iaitu 24 jam. Dan tentulah apabila tanah ini siap kerana ia milik kerajaan ia akan dimaklumkan kepada orang awam, ini yang pertama. Kedua ialah tentang kos penggalan, saya rasa dalam aspek ini kalau projek ini berjalan, tentulah Kerajaan Negeri akan berbincang dengan lebih lanjut dengan pihak swasta atau pihak syarikat tersebut E&O dan tentulah dari pandangan mereka sekarang. Ini adalah tanggungjawab pihak kerajaan tapi kita belum ambil maklum tentang perkara ini kerana kita masih rasa ada ruang untuk dibincangkan atau dirundingkan semula. Kita kena ingat apabila projek ini jalan adalah manfaat mereka juga untuk memastikan bahawa terusan ini masih hidup atau berfungsi kerana kalau terusan yang diwujudkan tidak hidup atau berfungsi mereka pun akan rugi juga. So, saya rasa ini adalah satu tanggungjawab yang mereka pun akan ambil berat dan kita boleh rundingkan. So, untuk ketika ini saya hanya sebut bahawa mereka boleh buat kenyataan sedemikian, tapi ini belum diambil maklum oleh pihak Kerajaan Negeri dan perkara ini seperti yang saya sebut tadi masih boleh dirundingkan.

Untuk perkara, ada dua (2) lagi soalan nanti saya akan bagi, jangan bimbang. Untuk lagi soalan seterusnya ialah tentang peranan yang dimainkan oleh (JAS) Jabatan Alam Sekitar. Kita pun kadang-kadang kurang puas hati dengan Jabatan Alam Sekitar tapi mahu tak mahu, suka tak suka kita tertakluk di bawah undang-undang kerana undang-undang memberikan kuasa pemantauan dan juga penguatkuasaan kepada JAS, kita tak boleh lari daripada undang-undang yang ditetapkan. So, mereka akan menjadi jabatan penguat kuasa yang mutakhir. Tapi, pada masa ini kita akan jalankan pemantauan seberapa yang boleh....(gangguan). Nanti saya habis yang keempat dulu dan saya akan bagi balik kepada Yang Berhormat Pulau Tikus.

Dan akhirnya bahawa bolehkah kita tamatkan perjanjian kerana kesannya mungkin lebih besar. Saya rasa di sini kalau kita tamatkan perjanjian, kos bayaran pampasan akan memudaratkan keadaan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita kena ingat, ini adalah satu warisan daripada dulu, di mana tanah tambakan laut hanya dijual dengan harga RM 1 sekaki persegi. Tapi suka tak suka, mahu tak mahu kita kena terima warisan yang diberikan kepada kita ini. Ini warisan daripada siapa kita semua tahulah. So, di sini warisan yang ditinggalkan ini kita kena hadapinya dan tentu Yang Berhormat pun rasa bimbang adakah mereka boleh jalankan projek ni kerana nilainya mungkin sama dengan RM30 bilion. Adakah mereka mampu habiskannya? Adakah mereka mempunyai dana kewangan untuk habiskannya? Dan ini Kerajaan Negeri pun bimbang, tapi kita pun kena ambil maklum E&O sekarang dimiliki oleh pemegang saham utama iaitu GLC *Sime Darby*. Kalau dimiliki oleh GLC *Sime Darby* dengan kata lain ini adalah juga projek Kerajaan Persekutuan. Ini saya rasa mungkin meneruskan kesinambungan apabila kontrak diberikan sekarang pula



mereka adalah pemegang saham, meneruskan kesinambungan daripada sejarah dulu. So, saya rasa itulah sebabnya kita lihat dalam sudut kewangan untuk membatalkannya, saya rasa memang Pulau Pinang tidak mampu. Sebagai satu contoh, apabila kita menurunkan bangunan Boustead daripada 12 tingkat kepada 5 tingkat. 7 tingkat sahaja bukan batalkan projek, turunkan 7 tingkat sahaja, kita kena bayar RM20 juta. Dan ini selepas kita berunding dengan begitu sukar sekali tapi kena bayar juga RM20 juta. Kalau macam ini turunkan 7 tingkat kena bayar RM20 juta tolong bayangkan 760 ekar berapa kita kena bayar? Sila YB. Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan mengenai kontrak, sebenarnya menurut perjanjian laporan berkala itu akan diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang, selain daripada JAS, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga patut mempunyai kuasa untuk menelitikan laporan tersebut dan untuk memastikan bahawa tiada pecahan kontrak. *No breach of contract* kerana dalam perjanjian tersebut ada juga tertakluk syarat-syarat misalnya di mana tidak boleh ada *pollution, flotation*, tidak boleh mengakibatkan banjir dan tidak boleh memberi kesan buruk kepada Penang Port. Ada syarat-syarat yang tertentu. Maka tanpa JAS juga Kerajaan Negeri boleh memantau sama ada syarat-syarat ini ada risiko untuk dilanggar. Dan jika misalnya pengumpulan lumpur di Persiaran Gurney adalah diakibatkan oleh Sri Tanjung Pinang 1, maka syarat perjanjian sudah pun dipecah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkuasa untuk membatalkan kontrak tersebut tanpa memberi pampasan ganti rugi. Jadi sebenarnya kami juga ada kuasa. Tapi kami hanya boleh mempergunakan kuasa kami jika kami memantau dengan teliti dan benar-benar tahu hak kami, sama ada pemaju membuat kerja-kerja dengan betul. Dan kedua saya ingin memohon kawasan awam tersebut janganlah tunggu sampai sedia barulah nak memaklumkan orang awam kerana di Pulau Tikus saya mengalami kesusahan sekarang kerana saya ada 95% *build up area*. 95% *build up area*.

Saya dengar taman-taman dibina di kawasan-kawasan lain, tetapi di Pulau Tikus, kerana kebanyakan kawasan kami sudah *build up*, susah nak cari tempat untuk orang awam. Kami memang nak sangat tempat untuk orang awam di Pulau Tikus. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya. Itulah sebab kita sediakan tanah lapang untuk orang awam ini. Yang ini pun telah diperuntukkan sebelum Yang Berhormat menjadi ADUN Pulau Tikus. Dan di sini saya rasa kalau sebutnya kita berhak untuk batalkan kontrak dengan alasan bahawa ini adalah kesannya. Saya rasa JAS akan bertindak sedemikian kalau mereka mempunyai bukti dan mereka mempunyai kuasa untuk membuat demikian. Saya rasa bukti yang diberikan belum kukuh lagi. Jangan kita lupa, apabila kita kena buat bayaran, mereka yang memberikan pandangan, mereka akan hilang sama sekali. Akhirnya siapa yang akan tanggung, so itulah saya rasa masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri. Kalau kita nak buat sesuatu, kita kena lihat ia mesti merupakan punca utama dan selagi ini tidak dapat dibuktikan dan JAS pun tidak bersetuju macam mana kita boleh menguatkuasakannya kerana apabila kita membuat sesuatu tindakan dan ia didapati salah bayaran dibuat, siapa akan tanggung. Adakah mereka yang memberi pandangan sedemikian akan tanggung. Saya rasa kita pun tahu jawapan.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita tidak boleh dapat apa yang kita nak. Tapi kita cuba buat *mitigation* supaya kita boleh pastikan rakyat dan masyarakat dapat lebih jauh lebih baik daripada apa yang diberikan sebelum ini oleh kerajaan dulu. So, saya rasa itulah perkara penting. Sila Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Ahli Kawasan Air Putih. Saya ada dua (2) soalan. Satu (1) tentang jawapan yang diberikan tentang tapak Sekolah Menengah St. George. Saya ingat dah banyak kali dah, dah banyak kali kita bercakap tentang hal ini. *Last* sekali jawapan yang diberikan kepada saya bahawa tapak telah pun diperolehi, tetapi apa perbincangan Ahli Kawasan Air Putih dengan pemaju sebab Yang Berhormat Air Putih kata surat kepada saya, akan berjumpa dan sebagainya. Apa jadi kepada perbincangan itu kerana difahamkan tapak baru ini adalah inisiatif daripada JPS sendiri mendapatkan daripada program tukar tapak bukan daripada pemaju itu sendiri.

Yang kedua, tentang Perbadanan Bukit Bendera. Saya telah beritahu bahawa terdapat perasaan tidak puas hati di kalangan kakitangan Perbadanan Bukit Bendera, satunya saya minta jawapan yang diberikan tentang *contract of service*. Saya juga difahamkan ada juga tentang *contract for service* yang telah diberikan gaji yang begitu tinggi sekali berbanding dengan kakitangan yang lama. Itu pun tidak dijelaskan oleh Y.A.B. Ahli Kawasan Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Yang Berhormat sebut JPS, itupun tak apa. Saya akan berikan suratlah yang berkaitan kepada Yang Berhormat. Baik JPS ataupun daripada pemaju. Nanti saya akan berikan kepada Yang Berhormatlah. Saya minta pihak itu jabatan bekalkan kepada saya.

Yang kedua tentang itu *contract of service*, *contract for service*. Ini kita berikan mengikut pilihan kerana kalau dia nak tukar, dia akan dapat kenaikan gaji. So itu saya rasa satu *option* kepada mereka.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ada tak yang diberikan *contract for service*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, saya maksudkan. Tapi kita bagi..

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ya ada. Tapi jawapan yang diberikan kepada saya *contract of service*. Tak ada *contract for service*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu *of service for service*, untuk memastikan bahawa mereka boleh dapat itu tangga gaji yang lebih baik kerana kalau tidak saya ingat Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Betong pun tahu susah untuk cari orang yang berkemampuan untuk mengendalikan tugasnya. Itulah sebabnya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya faham Yang Amat Berhormat, cuma jawapan yang diberikan kepada saya kakitangan yang diberikan secara *contract of service*, tidak langsung disebutkan bahawa ada kakitangan yang diberikan secara *contract for service*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini kita bagi *option* kepada mereka dan kalau boleh kita harap semua boleh terima kerana mereka akan dapat kenaikan gaji. So saya rasa itu akan dirundingkan. Saya pun tak tahu, kerana selama ini kita tak dapat apa-apa rungutan. Mereka rasa puas hati kerana gaji naik. So saya rasa kalau ada kes *specific* mungkin boleh dirujuk oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Betong kepada saya. Ini tentu saya akan uruskan. Ya Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Saya nak tanya soalan mengenai pelaburan di Pulau Pinang dan saya minta nama-nama syarikat yang terlibat dalam pentadbiran yang melabur di Negeri Pulau Pinang ini. Sebab saya perlu nama-nama syarikat ini diberi kepada saya sebab saya dalam proses untuk kenal pastikan berapa banyak syarikat multinasional yang *invest* di sini mereka tidak mengamalkan *diversity management to reflect community* masyarakat. So bila nama syarikat ini tak dapat susah saya nak dapat maklumat ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa itu sebab saya minta Yang Berhormat boleh jadi duta perabot sekarang nak jadi duta industri lagi. Tapi Yang Berhormat macam ragu-ragulah keikhlasan Kerajaan Negeri. Saya untuk dapat nama syarikat ini adalah di bawah senarai MIDA. Kita pun pernah minta. Dulu dia bagi. Tapi kebelakangan ini mereka tak mahu bagi senarai nama. So kalau mungkin daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang ada cara dan jalan beliau sendiri, kita tidak ada sebarang bantahan kalau Yang Berhormat dapat maklumat tersebut daripada MIDA

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Saya nak minta peranan Penang Invest. Saya harap Penang Invest boleh memainkan peranan ini. Sebab Penang Invest akan melibatkan syarikat pelaburan. So Penang Invest tak boleh *distance* daripada MIDA, so dia mesti kena kawan. Kalau dia tak kawan dengan MIDA, so dia tak bantu kita Negeri Pulau Pinang, sebab negeri Pulau Pinang kita punya. So Penang Invest kena main peranan. Apabila saya tanya saja Penang Invest mengenai *diversity*, saya khuatir keadaan *diversity* ini sebab saya tengok *top management* tidak *reflect* komuniti kita. So ini akan membawa perkara yang

tidak sihat kepada Negeri Pulau Pinang. So dalam usaha barisan pembangkang dan Barisan Nasional untuk merapatkan jurang kaum dan kita kena bagi semua *chance* dan kita nak kena kaji kenapa masalah ini terjadi begitu. Sebab itulah saya minta Yang Amat Berhormat minta Penang Invest lebih proaktif dalam benda-benda nama syarikat ini. Saya akan cuba dengan MIDA, tapi saya haraplah Penang Invest memainkan peranan ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Seperti yang saya sebut tadi, Invest Penang mau kawan sama MAIDA. Kita cuba seberapa yang boleh jadi kawan dengan MAIDA. Tapi ini juga tertakluk kepada MAIDA jugalah sama ada mereka mahu berikan maklumat. Sebelah tangan sahaja tak boleh tepuklah. So saya rasa itu yang jadi masalah. So kalau Yang Berhormat boleh dapat maklumat ini, kita tak akan ada apa-apa bantahan dan maklumat kebelakangan ini tak datang. Kekadang kita tanya jenis industri tersebut secara amnya pun susah nak dapat. Ya sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ahli Kawasan Air Putih, sebelum Ahli Kawasan Air Putih menamatkan penggulungan. Saya ingin menarik perhatian Ahli Kawasan Air Putih dan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri serta Ahli Dewan tentang perbahasan Ahli Kawasan Air Putih membentangkan usul tergepar kelmarin dan perbahasan menyusuli usul tersebut. Untuk itu saya ingin membaca dari hansard apa yang dikatakan oleh Ahli Kawasan Air Putih. Setelah dibahas panjang lebar muka surat 104. Ini adalah merujuk kepada isu yang masih belum selesai kerana Barisan Nasional ada membentangkan usul semalam untuk meminta Ahli Kawasan Seri Delima memohon maaf dan menarik balik perkataan-perkataan yang tidak *unparliamentary* itu. Ahli Kawasan Air Putih menyatakan.

“Kalau salah apa yang kita perlu buat. Kalau salah apa yang kita perlu buat. Dua kali. Kita kena mohon maaf, bukankah itu budaya Malaysia, bukankah ini salah satu nilai ketimuran. Salah minta maaf dan saya pun pernah minta maaf kat Dewan ini, salah kena minta maaf.”

Kemudian muka surat 102, “Kalau perkara ini dilakukan oleh Ahli-Ahli DAP saya akan meminta maaf bagi pihak mereka”. So kalau ini yang dilakukan oleh ahli DAP, saya akan minta maaf dan seterusnya.”

Jadi di sini Ahli Kawasan Air Putih dan Dewan sekalian, walaupun usul Barisan Nasional kelmarin kalah, kita tak dapat teruskan kerana tak cukup sokongan. Kami di sini tak cukup bilangan tetapi kita harap mendapat sokongan daripada Ahli-ahli pihak Kerajaan kerana kalau sebenarnya kita ingin memelihara dan menjulang keharmonian dan keutuhan Dewan ini, kemuliaan Dewan ini, kita hendaklah sama-sama mempunyai tanggungjawab dan keikhlasan untuk memperbetulkan apa yang tak betul. Kalau salah minta maaf. Saya sendiri telah pun memohon maaf di dalam Dewan semalam kerana kita mengakui apa yang berlaku pencerobohan di dalam Dewan ini adalah satu perkara yang salah. Dato' Mahmud sendiri telah pun memohon maaf kerana perkataan-perkataan yang tidak berparlamentari.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Belum meminta maaf lagi, akan sekiranya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Belum, jadi untuk keharmonian di dalam Dewan ini, untuk memelihara kemuliaan Dewan ini, saya nak bertanya pendirian Air Putih sebagai Ketua Menteri dan juga Ketua Pemimpin di dalam Negeri Pulau Pinang. Kalau ikhlas apakah pendirian Ketua Menteri. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya telah sebut semalam, YB. Ketua Pembangkang kalau kita nak balik kembali kepada perkara tajuk semalam. Saya telah sebut semalam bahawa dalam Perbahasan, adakah kita nak memberikan kelonggaran *cut and trust the debate*. Kita boleh bertindak keluarkan perkataan-perkataan yang tertentu dikeluarkan. Bukan sahaja oleh YB. Sungai Aceh malah oleh YB. Ketua Pembangkang pula, perkataan pembohong, samseng dan sebagai pun dikeluarkan. Tapi saya rasa akhirnya keputusan dibuat oleh Speaker, dan perkara ini telah pun diuruskan oleh Speaker sepertimana yang disebut. Saya rasa YB. Ketua Pembangkang boleh merujuk kepada Speaker apakah keputusan dibuat. Saya bukan Speaker di sini, saya Ketua Menteri mewakili kerajaan. Saya tak mahu campur tentang apa keputusan yang dibuat oleh Speaker. Kalau Yang Berhormat tak berpuas hati ada cara lain untuk sampaikan. So saya rasa biarlah di sini tentu ada cara lain dan seperti yang saya sebut kalau meneliti Peraturan Mesyuarat ada cara, ada satu (1) lagi cara juga takkan saya nak ajar kepada YB. Ketua Pembangkang apakah cara tambahan yang boleh buat selain daripada usul tergepar tersebut.

Saya hanya ingin menyatakan bahawa kalau kita ingin menjadikan isu tentang sesuatu perkataan, kita pun boleh buat banyak penipuan tentang perkataan-perkataan kesat yang dikeluarkan. Kita pun boleh buat demikian tapi akhirnya dalam Dewan ini, ini adalah dalam perkarangan suci Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan keputusan akhirnya terletak di bawah Speaker. Bolehkah saya campur tangan, saya rasa tak sesuai dan yang kita rujuk semalam usul Kerajaan Negeri ialah berkaitan satu pencemaran, satu (1) pencemaran yang saya rasa amat memalukan sekali. Itulah usul dari pihak Kerajaan Negeri dan di sini kita mengutuk Ahli-Ahli UMNO yang bertingkah laku macam samseng, mahu merusuh di luar perkarangan Dewan Undangan Negeri selepas mencero bohi Dewan Undangan Negeri.

Di sini saya ingin menghargai kehadiran pihak Polis peranan yang dimain oleh mereka semalam. Menjaga ketenteraman tetapi kita hendak minta juga tindakan undang-undang yang lebih tegas terhadap perusuh ini kerana yang 12 samseng yang mencero bohi masuk pada 21 Mei. Selepas mereka keluar Dewan pukul pintu apabila mereka keluar dengan begitu biadap sekali. Akhirnya atas desakan mereka ditahan dan diikat jamin. Siapa ikat jamin? Yang Berhormat? Bukan? Siapa yang ikat jamin 12 yang ditahan, VIP lah. Tentu ada seorang VIP. Selepas dibebaskan 12 orang ini berkumpul dekat luar Dewan lagi. Tak rasa bersalah langsung dan saya rasa itulah yang kita kesal kerana sungguhpun mereka telah memalukan satu Malaysia dengan mencero bohi masuk, kaki letak di atas meja Speaker, beg Yang Berhormat pun buang.

Mungkin mereka ingat beg saya....(ketawa). lalah, orang macam ini mana tahu baca. Samseng mana tahu baca. Ingat beg saya dia buang....(gangguan). Nanti saya kena bagi Telok Bahang jangan bimbang. Kita boleh sembang dengan secara berbudi, tak jadi masalah. Tapi cara macam ni, dia masih dalam ingatan saya dan akan selamanya menjadi titik hitam bukan sahaja untuk Pulau Pinang tapi untuk seluruh Malaysia. Tapi tak berasa bersalah masih nak datang sini dok buat kacau. Ini tentu ada niat politik tertentulah, kerana kalau cakap tentang isi ungkapan yang dibuat banyak kali ungkapan dibuat. Bukan sahaja sini tapi di peringkat Parlimen tapi ini bukan isu. Kalau mungkin pilihan raya nak dengan sengaja jadi isu.

Di sini saya rasa kalau Ketua Pembangkang menyatakan bahawa akhirnya atas desakan daripada pihak kerajaan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyatakan rela untuk meminta maaf. Tapi kita lihat sikap mereka ini masih rasa tak bersalah, masih nak ulang-ulang lagi. Kita nak tanya adakah meminta maaf ini ikhlas kerana kalau ikhlas perbuatan sedemikian pihak UMNO kena ambil tindakan. Adakah mereka akan dipecat daripada Parti UMNO untuk menunjukkan UMNO tak mendokong dan menyokong keganasan dan perbuatan biadap sedemikian. Saya rasa itu yang kita nak lihat. Sejauh manakah UMNO ikhlas terdapat ahli-ahli yang telah memalukan Pulau Pinang. Mencemarkan imej kita. Adakah mereka dipecat daripada parti menunjukkan UMNO menjauhi diri daripada keganasan sedemikian. Saya rasa ini ada jawapan yang hanya boleh diberikan oleh YB. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Speaker. Saya lihat isu ini ada dua (2), tiga (3) perkara yang asasnya kita kena tengok. Memang berlaku di antara pertingkaan lidah dan kadang-kadang saya sebagai wakil rakyat yang baru saya tengok perkataan-perkataan yang tak sesuai digunakan. Tapi isu yang berlaku hari itu bukan di antara Yang Berhormat dalam Dewan ini. Bukan di antara Ketua Menteri dengan Ketua Pembangkang atau ADUN Pulau Betong ataupun ADUN Jawi dengan ADUN Sungai Bakap ataupun mana-mana ADUN. Bukan di antara mereka, isu yang tercetus yang terjadi ini bermula di antara ADUN Seri Delima mengata orang luar. Dia memaki hamum orang luar yang tidak ada dalam Dewan ini.

Yang pertama kita memang tak boleh terima perangai menceroboh dan bila berlaku benda tu, itu kita *condemn, act* itu...(dengan izin), tapi yang kedua yang tercetus ini, kenapa ADUN Seri Delima menyentuh orang luar yang tak ada dalam Dewan ini. Sebab kita dah tak boleh kawal isu di dalam kita boleh kawal sama-sama kita. Tapi kita sentuh orang luar, orang luar telah bertindak liar dan cara mereka masuk dalam Dewan tak boleh diterima. Tapi yang kita mohon kepada ADUN Seri Delima, tarik balik perkataan itu. Hanya minta tarik balik jangan sentuh orang luar. Di antara kita okey. Bila kita sentuh orang luar ini yang jadi dan perkara titik hitam ini kita tak boleh kata satu pihak. Kita kena cerita juga terlibatnya begitu supaya masyarakat dapat jadikan iktibar dan pada semua wakil rakyat dalam Dewan ini jangan sentuh orang luar. Jangan libatkan orang luar. Saya tidak tak tergamak pun nak sentuh pada Ahli PKR kah, pada Ahli DAP di luar sebab wakil rakyat mereka di sini, saya tuju terus pada wakil rakyat mereka di sini.

Itulah kefahaman yang saya nak kita amalkan bersama-sama untuk diterima dan itulah pendapat saya yang kita tak boleh kata berlaku ini tidak ada penglibatan daripada ADUN Seri Delima yang buat provokasi melampau, provokasi ekstrem, provokasi yang macam mencari *political mileage* untuk pilihan raya kah, apa, saya tak tahu. Yang kedua, apabila kita dengar nak berlaku saja apa-apa saja demonstrasi selalunya *gate* itu akan dikunci. Saya juga terkejut kenapa *gate* tidak dikunci. Mesti ada SB semua telah maklum perkara ini. Saya pun tak faham, saya tak faham bagaimana boleh berlaku. Siapa yang *trap*, siapa yang buat, siapa yang rancang dan saya juga minta supaya pada masa yang sama UMNO kena tolak PERKASA sejauh-jauhnya. Kena terima pendirian yang tegas, UMNO kena tolak PERKASA sebab pemimpin mereka terlibat juga. Dua (2), tiga (3) perkara ini saya harap sama-sama pihak mengambil iktibar dan saya mohon lagi sekali supaya ADUN Seri Delima mohon maaf semua apa yang dikatakan olehnya. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada YB. Telok Bahang atas pandangan beliau. Itulah sebabnya kita ada satu Jawatankuasa Khas yang mengandungi Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan ia akan meneliti isu-isu yang dibangkit termasuk mengapa pintu pagar tidak dikunci. Saya pun setuju, saya pun terkejut, macam mana pagar tak dikunci, mereka masuk. Itu saya rasa suatu yang kita rasa memang tak faham. Adakah mereka pecah kunci itu kita pun kena tentukan dalam Jawatankuasa Khas yang kita tubuhkan ini. Saya rasa YB. Sungai Aceh...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya cuma nak peringatkan usul yang telah diuruskan mengikut peraturan telah selesai. Kalau nak pun sedikit saja. Saya nak minta Air Putih teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih. Sedikit saja, *please*. Sebab saya terlibat. Dato' Speaker, pertama saya nak menyokong atas ucapan Ketua Pembangkang yang tujuannya baik. Dia melahirkan sebagai Ketua Pembangkang, satu pandangan yang baik untuk cari keharmonian dan menentukan kemuliaan Dewan ini. Sepatutnya kita kena ada tolak ansur. Kedua Dato' Speaker, saya tidak menarik atau memohon maaf selagi Seri Delima tidak memohon maaf. Saya mintalah Seri Delima memohon maaf. Terima kasih, Dato' Speaker.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi saya kena akur pada arahan Speaker. Saya rasa saya adalah Ketua Menteri, saya bukan Speaker. Jangan minta pula saya buat kerja Speaker. Saya rasa kita hormat Speaker. Speaker memang ada kebijaksanaan untuk uruskan hujah-hujah ataupun perkara-perkara yang timbul dalam perbahasan.

Seperti yang diarahkan oleh Dato' Yang di-Pertua, kita harus ingat sebab utama kebangkitan semula Pulau Pinang sejak tahun 2008 adalah bergantung kepada daya usahawan, daya tenaga dan daya kepakaran rakyat, *energy, expertise and entrepreneurship* ....(dengan izin) yang dicantumkan dengan sistem urus tadbir yang baik dan bersih serta kedaulatan undang-undang, *rule of law*....(dengan izin). Oleh itu kita mesti berusaha dengan sekeras-kerasnya untuk membina dan mengekalkan modal insan, memastikan sasaran rasuah sifar dan kepimpinan integriti serta mempertahankan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Perlembagaan dapat dicapai. Ini dilihat dari aspek hasil kejayaan dalam pelaburan luar asing dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan yang canggih serta pertumbuhan meningkat dalam pelancongan tanpa dijejaskan oleh pembatalan pelancong daripada Negara China sebanyak 50% ekoran peristiwa Tragedi MH370.

Pulau Pinang merupakan jaguh pelaburan Luar Negeri agar FDI untuk tempoh masa 2010 hingga Ogos 2013 dan ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri so kalau ada sebarang pertikaian yang tak percaya angka ini tolonglah pergi tanya Dato' Seri Najib Tun Razak. Kemasukan kualiti pelaburan dalam bidang elektronik dan perkhidmatan amat ketara dan boleh dirasai di semua tapak perindustrian di bahagian Pulau dan Seberang lebih banyak syarikat berjenama akan memasuki Pulau Pinang dengan penekanan kepada pekerjaan berpendapatan tinggi, bernilai tinggi, berteknologi tinggi dan berpengetahuan intensif. Kita juga bangga bahawa menerusi urus tadbir bersih dan baik Kerajaan Negeri tetap dapat merekodkan lebihan bajet sungguhpun ratusan juta dibelanjakan bukan sahaja untuk pembangunan infrastruktur tetapi untuk bantuan kewangan kepada warga emas dan warisnya, anak emas, pelajar emas, mahasiswa emas, OKU emas, ibu tunggal emas dan juga ibu emas yang tidak bekerja semua emas. *Free WiFi*, pemandu teksi RM600.00 setahun, nelayan pantai dengan pukut pantai dua (2) kali setahun, penarik beca RM100.00 sebulan dan juga menghapuskan kemiskinan dengan jaminan RM790.00 sebulan untuk setiap isi rumah dan ahlinya juga menubuhkan Pusat Dialisis yang saya rasa Pulau Betong tahu di mana Pusat Dialisis itu kita juga bangga bahawa Pulau Pinang kian Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, keselamatan adalah ditekankan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan menambahkan pemasangan CCTV dan penubuhan Pasukan Ponda Sukarela.

Saya di sini mengucapkan terima kasih kepada PDRM dan juga PPS kerana berjaya memastikan Pulau Pinang adalah negeri yang paling selamat di Malaysia ada dua (2) cabaran jangka masa panjang dan dua (2) lagi cabaran jangka masa pendek. Dua (2) cabaran jangka pendek adalah krisis kekurangan air dan masalah barang naik. Krisis kekurangan air telah pun ditangani oleh Kerajaan Negeri dengan komitmen tidak akan benarkan catuan air. Masalah barang naik lebih rumit ekoran kenaikan harga petrol, gula, elektrik dan insurans motor yang akan meruncing apabila GST akan dilaksanakan tahun depan. Cabaran jangka masa panjang yang harus ditangani adalah memperbanyakkan modal insan serta mempertahankan sistem demokrasi yang sedia ada.

Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai usaha termasuk pendidikan Vokasional dengan industri serta menarik sebuah *university top hundred* yang pertama di Malaysia yang kita harap dapat berjaya dilakukan dan akan diumumkan pada akhir tahun ini, sama ada jayanya atau tidak untuk mempertahankan sistem demokrasi,



bergantung kepada syarat sama ada ia masih relevan untuk rakyat dan khususnya sama ada mampu memperkuasakan orang muda dan wanita itulah sebabnya kemunculan Dyana Sofya sebagai calon DAP dan Teluk Intan telah menawan hati seluruh rakyat Malaysia bukan sahaja di pilihan raya kecil Teluk Intan beliau adalah nafas baru daripada golongan muda wanita dan terpelajar sebagai seorang Peguam. Golongan inilah yang harus diberikan peluang yang akan menentukan *survival* sistem demokrasi yang teguh dan berdaya tahan.

Dato' Yang di-Pertua bagi sebelum saya sudahi ucapan saya saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pekerja, Selamat Hari Ibu, Selamat Hari Jururawat dan Selamat Hari Guru kepada semua yang menyambutnya pada bulan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana berjaya mengendalikan perjalanan Dewan dengan sebaiknya. Saya juga bersyukur kerana setelah hampir dua (2) penggal Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk kepimpinan Negeri telah banyak perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan. Dengan ini saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai saya Dato' SUK, Dato' PKN dan juga Dato' Penasihat Undang-undang yang baru bersama dengan YDP MPPP, YDP MPSP dan kelima-lima Pegawai Daerah saya semoga kejayaan dalam memastikan agenda pembangunan negeri ini agar berterusan demi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat agar terus terpelihara.

Sekian, terima kasih saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan selamat menyambut bulan ramadan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam yang akan menyambutnya pada 29 haribulan Jun 2014. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan saya pada hari ini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon untuk menyokong, terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sesi penggulungan telah pun selesai. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:

“Bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih ke atas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas pada 19 haribulan Mei 2014 dipersetujui.”

Ahli-Ahli yang bersetuju katakan “Ya,” yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

#### **Ahli-Ahli Kerajaan:**

“Ya.”

#### **Ahli-Ahli Pembangkang:**

“Tidak.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara, usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 109A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Dewan membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat daripada Bagan Jermal iaitu Tanasekharan a/l Autherapady, Bagan Dalam *sorry*, Yang Berhormat Bagan Dalam itu Tanasekharan a/l Autherapady dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi penggal Kedua hingga Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ketiga belas menggantikan Yang Berhormat Air Itam, Yang Berhormat Wong Hon Wai yang telah meletak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan pada 8 haribulan Mac 2014.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang dihadapi sekarang ialah usul daripada Yang Amat Berhormat ketua Menteri bahawa mengikut Peraturan 109A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dewan membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Tanasekharan a/l Autherapady Ahli Kawasan Bagan Dalam dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Kedua hingga Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ketiga belas untuk menggantikan Yang Berhormat Wong Hon Wai yang telah meletak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan pada 8 Mac 2014.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara, usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan menetapkan supaya Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa menimbang cadangan dan meminda dan mengemas kini Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Cadangan draf pindaan dan draf peraturan baru adalah seperti di Lampiran I dan II yang diedarkan di atas meja mesyuarat. Penyata berkenaan pindaan mesyuarat, peraturan-peraturan mesyuarat yang dicadangkan yang akan diutamakan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat hendaklah dibentangkan pada Dewan pada mesyuarat yang akan datang.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat:

“Selaras dengan usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan seperti ketetapan subPeraturan 109D (3) di mana usul ini telah dicadang dan disokong maka usul ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat. Usul ini akan dibincangkan setelah Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat mengemukakan penyata kepada Dewan yang mulia ini dengan cadangan tersebut.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan usul di bawah subseksyen 13(3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 bagi pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun mulai Jun 2014 hingga Mei 2017. Senarai Ahli Lembaga Rayuan adalah seperti berikut:

- |     |  |                      |
|-----|--|----------------------|
| (1) | Tuan Wong Chiang Kiat                          | - Pengerusi,         |
| (2) | Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaludin bin Hasan | - Timbalan Pengerusi |
| (3) | Yang Berbahagia Dato' Ajit Singh Jessy         | - Ahli Lembaga       |
| (4) | Yang Berbahagia Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali | - Ahli Lembaga       |
| (5) | Tuan Murelidaran M. Navaratnam                 | - Ahli Lembaga       |
| (6) | Tuan Muniandy A/L Kannyappan                   | - Ahli Lembaga       |
| (7) | Puan Regina Amalorpava Mary A/P Aboorvasamy    | - Ahli Lembaga       |
| (8) | Puan Agatha Foo Tet Sin                        | - Ahli Lembaga       |

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan saya mencadangkan usul yang berbunyi seperti berikut:

“Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010, Enakmen 16 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 4 November 2011 dan telah diwartakan pada 2 Februari 2012 bagi maksud menguatkuasakan Enakmen 16 ini mulai 1 Julai 2014.”

Maka pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan adalah diperlukan seperti ketetapan seksyen 13(2) Enakmen dan Pelantikan tersebut tertakluk kepada kelulusan Dewan Undangan Negeri. Tempoh bagi satu penggal pelantikan adalah dua (2) tahun dan perlu diwartakan. Pencalonan nama Ahli-Ahli Lembaga telah dipersetujui melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang Kelapan Belas 2014 pada 7 Mei 2014 dan disahkan pada 16 Mei 2014 dengan keanggotaan Lembaga Rayuan melibatkan calon-calon berikut:

- |     |  |                      |
|-----|--|----------------------|
| 1)  | Tuan Wong Chiang Kiat                          | - Pengerusi,         |
| (2) | Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaludin bin Hasan | - Timbalan Pengerusi |
| (3) | Yang Berbahagia Dato' Ajit Singh Jessy         | - Ahli Lembaga       |
| (4) | Yang Berbahagia Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali | - Ahli Lembaga       |
| (5) | Tuan Murelidaran M. Navaratnam                 | - Ahli Lembaga       |
| (6) | Tuan Muniandy A/L Kannyappan                   | - Ahli Lembaga       |
| (7) | Puan Regina Amalorpava Mary A/P Aboorvasamy    | - Ahli Lembaga       |
| (8) | Puan Agatha Foo Tet Sin                        | - Ahli Lembaga       |

Pelantikan Ahli Lembaga Rayuan yang dibuat mengambil kira pengalaman dan kelayakan calon yang merangkumi aspek perundangan, keselamatan dan Hal Ehwal Negeri Pulau Pinang yang dilihat *significant* dengan keperluan menjayakan pelaksanaan Enakmen 16 secara menyeluruh. Peranan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan tersebut adalah penting bagi tujuan mempertimbangkan ke atas semua permohonan rayuan yang berkemungkinan diterima oleh 22 Jabatan Negeri dan 7 Badan Berkanun Negeri yang terlibat apabila dikuatkuasakan kelak. Tanpa pelantikan Ahli Lembaga Rayuan tersebut akan mengakibatkan proses rayuan ke atas permohonan yang ditolak oleh Pegawai Maklumat di Jabatan Agensi terbabit tidak dapat dipertimbangkan dan proses akan tertangguh selepas didaftarkan oleh pendaftar.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, tahap kesedaran rakyat berhubung hak mereka untuk akses kepada sesuatu maklumat dan undang-undang yang berkaitan dengan kebebasan maklumat dilihat semakin ketara dewasa ini. Maka sewajarnya Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sebagai sebuah negeri yang pro rakyat berusaha

untuk memastikan rakyat Pulau Pinang diberi kebebasan untuk mengakses maklumat dengan saluran yang betul dan jelas melalui polisi pentadbiran yang cekap, akauntabiliti dan telus di Pulau Pinang. Dengan ini, YB Dato' Yang di-Pertua Dewan saya mohon mencadangkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul ini ada sokongan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya menyokong sepenuhnya usul ini iaitu berkenaan pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan di bawah Enakmen Kebebasan. Saya percaya sepertimana YB. Perai katakan tadi kesemua nama yang akan menganggotai Lembaga tersebut mempunyai latar belakang perundangan dan latar belakang sebagai perkhidmatan awam yang menjadikan mereka sesuai untuk menganggotai Lembaga tersebut. Saya rasa gembira setelah saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan untuk memuktamadkan draf Enakmen tersebut, saya begitu gembira untuk menyokong usul itu. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada YB. Timbalan Ketua Menteri II? Bermakna tiada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai perbahasan, maka Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi penggulungan. Dipersilakan YB. Timbalan Ketua Menteri II untuk membuat ucapan penggulungan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Dato' Speaker, tiada ucapan penggulungan oleh kerana saya ingat semua Ahli Yang Berhormat setuju dengan cadangan saya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

45

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada YB. Timbalan Ketua Menteri II. Bahawanya Dewan ini meluluskan usul di bawah Subseksyen 13(3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 bagi pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun mulai Jun 2014 hingga Mei 2017. Senarai Ahli Lembaga Rayuan adalah seperti berikut:

- |     |  |                      |
|-----|--|----------------------|
| 1)  | Tuan Wong Chiang Kiat                          | - Pengerusi,         |
| (2) | Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaludin bin Hasan | - Timbalan Pengerusi |
| (3) | Yang Berbahagia Dato' Ajit Singh Jessy         | - Ahli Lembaga       |
| (4) | Yang Berbahagia Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali | - Ahli Lembaga       |
| (5) | Tuan Murelidaran M. Navaratnam                 | - Ahli Lembaga       |
| (6) | Tuan Muniandy A/L Kannyappan                   | - Ahli Lembaga       |
| (7) | Puan Regina Amalorpava Mary A/P Aboorvasamy    | - Ahli Lembaga       |
| (8) | Puan Agatha Foo Tet Sin                        | - Ahli Lembaga       |

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya,” dan yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara, usul diterima.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. YB. Dato' Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

***Dewan ditangguh pada jam 1.00 tengah hari.***